



KEBANGUNAN ROHANI

Ba'kelalan

Memahami Tujuan Allah untuk Hari Ini

Michelle Chan & Hwa Yung



Kebangunan Rohani Ba'kelalan

Memahami Tujuan Allah untuk Hari Ini

Penulis : Michelle Chan & Hwa Yung
Penterjemah : Henrita Samuel
Reka Letak : Randy Singkee
Kulit Buku : Chiang Juat Chin

Cetakan Pertama: Mac 2024

Edisi Asal (Bahasa Inggeris):

Revival in Ba'kelalan: Discerning God's Purposes for Today

Copyright © 2023 Michelle Chan & Hwa Yung

Edisi Bahasa Inggeris diterbitkan oleh:

Canaanland Distributors Sdn Bhd

25 Jalan PJU 1A/41B, NZX Commercial Centre, Ara Jaya,

47301 Petaling Jaya, Selangor, Malaysia

info@canaanland.com.my, www.canaanland.com.my

Terjemahan Bahasa Malaysia diterbitkan oleh:

Wawasan Penabur Sdn Bhd

P.O.Box: 8327, Kelana Jaya Post Office,

46787 Petaling Jaya, Selangor, Malaysia

wawasan.penabur@gmail.com, www.wawasanpenabur.org

Semua petikan Alkitab, kecuali dinyatakan sebaliknya, diambil dari:

Alkitab Versi Borneo © 2015, Borneo Sabda Limited

Tahukah anda bahawa anda boleh mendapatkan banyak bahan sumber Kristian dalam Bahasa Malaysia secara percuma online di Sabda Harian (<http://sabdaharian.com/>)? Kunjungilah laman web mereka hari ini!


Wawasan Penabur bekerja rapat dengan gereja-gereja berbahasa Malaysia untuk mengembang, menerbit dan menyebarkan bahan-bahan sumber Kristian dalam Bahasa Malaysia yang berasaskan Alkitabiah bagi kegunaan gereja dan umat Tuhan. Diilhamkan oleh pemimpin-pemimpin Kristian lintas-denominasi, Wawasan Penabur adalah satu organisasi bukan untuk keuntungan yang komited untuk melayani umat Kristian berbahasa Malaysia di Malaysia.

Hak Cipta terpelihara.

Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian artikel, ilustrasi, dan isi kandungan buku ini dalam apa juga bentuk dan dengan cara apa juga sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Penerbit.

Isi Kandungan

Penulis	1
Kata Pengantar	3
Mukadimah	5
Pengenalan	9
Bab 1 Permulaan Sidang Injil Borneo	17
Bab 2 Gerakan Tuhan yang Lebih Luas	31
Bab 3 Pencurahan Roh Kudus di Ba'kelalan	47
Bab 4 Tanda yang Pertama <i>Beras & Air Berubah Secara Ajaib Menjadi Tepung, Gula & Minyak Masak</i>	63
Bab 5 Lebih Banyak Tanda & Keajaiban <i>Api di Langit</i>	75
Bab 6 Perhimpunan Doa di Gunung Murud, Bukit Uned & Batu Lawi	91
Bab 7 Membina Gedung Haleluyah di Gunung Murud	111
Bab 8 Apa yang Tuhan Sedang Lakukan?	121
Bibliografi Terpilih	143



Michelle Chan ialah seorang mantan wartawan dan misionaris yang menjadi pembuat filem dokumentari. Beliau memulakan kerjayanya sebagai sub-editor di Bahagian Korporat *Bernama*, Agensi Berita Nasional Malaysia. Dari situ, beliau melanjutkan ke akhbar harian kebangsaan *The Star*, melaporkan berita-berita dan kes-kes mahkamah sebelum menjadi seorang penulis cereka. Beliau kemudian menyertai Operation Mobilization, sebuah agensi misi, untuk memulakan pusat berita dan maklumat antarabangsa bagi organisasi tersebut di Carlisle, United Kingdom. Selepas berkhidmat di Christian Broadcasting Network di Virginia Beach, Amerika Syarikat, beliau mula menulis dokumentari-dokumentari. Di Malaysia, beliau adalah seorang penjaga sepenuh masa kepada ibu bapanya yang sudah lanjut usia sambil bekerja sebagai seorang penulis bebas.

Hwa Yung ialah Uskup Emeritus Gereja Methodist di Malaysia. Beliau merupakan Pengetua Seminari Theoloji Malaysia selama bertahun-tahun dan pernah mengajar di Trinity Theological College, Singapura. Di antara pelbagai penglibatannya di luar gerejanya sendiri, beliau pernah bertugas di Oxford Centre for Mission Studies Council (Majlis Pusat Pengajian Misi Oxford) dan International Lausanne Board (Lembaga Antarabangsa Lausanne). Walaupun sudah bersara, beliau tetap aktif dalam pelayanan berkhutbah dan menulis.





Kata Pengantar

Pelbagai usaha dan percubaan telah dilakukan untuk menulis dan mendokumentasikan peristiwa serta keajaiban yang berlaku di kalangan suku Lun Bawang di Ba'kelalan semasa kebangunan rohani 1973–1974 dan 1984–1986. Namun, semuanya tidak berjaya. Pada Februari 2011, saya telah berjumpa dengan Hwa Yung yang berhasrat untuk menulis tentang kebangunan rohani dan kesannya di Ba'kelalan selama bertahun-tahun. Sejak itu, kami telah bertemu dari semasa ke semasa dan mengingati perkara ini dalam doa kami. Akhirnya, sekarang dengan kasih kurnia Allah, impian kami telah menjadi kenyataan melalui buku ini.

Penulis telah membawa satu latar belakang pelayanan Kristian dan pengalaman yang luas kepada projek ini. Michelle Chan telah bekerja bertahun-tahun sebagai seorang wartawan dengan media Kristian dan sekular. Hwa Yung mempunyai latar belakang yang kaya dalam kepimpinan gereja dan pendidikan teologi, baik di Malaysia mahu pun di kalangan antarabangsa. Kedua-dua mereka terlibat dalam pelayanan doa di gereja mereka sendiri dan juga di peringkat kebangsaan. Selain itu, Hwa Yung telah membantu mencari penaja untuk pelayanan doa Borneo Evangelical Mission, Sarawak.

Dengan latar belakang ini, penulis telah dapat menghasilkan satu catatan yang tidak ternilai harganya tentang kebangunan rohani di Sarawak dan Sabah, yang bermula dengan kedatangan Borneo Evangelical Mission pada tahun 1928 dan pertama kali direkodkan



dalam buku Shirley Lee, *Drunk Before Dawn*. Kali ini, tumpuan diberikan kepada kebangunan rohani di Ba'kelalan semasa 1973–1974 dan 1984–1986. Penulis, terutamanya Michelle Chan, telah membuat beberapa lawatan dan menemu bual ramai saksi mata kebangunan rohani ini. Mereka selanjutnya telah menyemak fakta-fakta yang diterima dengan teliti untuk mengesahkan kesahihan kesaksian yang telah didengar. Ini adalah untuk memastikan bahawa apa yang berlaku adalah bukti-bukti yang tepat tentang wahyu Allah yang menakjubkan mengenai Diri-Nya dan keajaiban-Nya.

Saya sendiri mengalami kebangunan rohani pada tahun 1973–1974 ketika saya berumur enam tahun. Semasa kebangunan rohani 1984–1986, saya sudah berusia akhir remaja, dan mempunyai pengalaman istimewa yang luar biasa untuk terlibat secara peribadi, serta menjadi saksi mata kepada beberapa kejadian ajaib yang telah berlaku. Ini termasuk kemunculan bola api yang ajaib di Gunung Murud pada Julai 1985, serta kemunculan bola api di atas padang bola sepak Buduk Nur pada 15 Julai 1985, dan di Buduk Uned pada 25 September 1985. Semua ini memberi impak yang mendalam kepada saya dan membuat saya mempersembahkan hidup saya kepada Tuhan untuk menjadi pelayan sepenuh masa.

Sebagai saksi langsung, saya dapat mengesahkan bahawa apa yang ditulis oleh Michelle Chan dan Hwa Yung adalah sah dan tepat. Saya telah membaca buku ini dengan penghayatan yang mendalam dan telah belajar banyak daripadanya. Buku ini akan menguatkan iman para pembaca yang mengenal Tuhan dan yang ingin bertumbuh lebih dalam lagi dalam iman dan pemahaman mereka tentang kuasa serta kemuliaan Allah yang luar biasa. Semasa anda membaca buku ini, saya yakin bahawa Tuhan akan memberkati dan memperkayakan hidup anda.

Pastor Bina Agong
Presiden
Borneo Evangelical Mission, Sarawak



Mukadimah

Pergolakan pertama dalam hidup saya mengenai subjek buku ini berlaku di sebuah bilik loteng kecil di Rhyl, Wales, United Kingdom, pada tahun 1999. Saya sedang menghadiri satu kursus kepimpinan dan berkongsi bilik dengan seorang gadis Lun Bawang dari Sarawak. Itu adalah pertemuan pertama saya dengan suku itu. Pada suatu petang, dalam linangan air mata yang berlaku secara tiba-tiba, dan tanpa mengetahui sebabnya, saya seperti dipaksa untuk meminta ampun atas apa yang telah dilakukan oleh etnik saya, orang Cina, terhadap kaumnya.

Walaupun kelihatan aneh pada masa itu, Roh Kudus telah memulakan pengampunan dan pendamaian antara dua orang asing, dan satu transaksi pun dimaterai. Kami tidak bertemu lagi semenjak itu sehinggalah saya mula mengerjakan buku ini 23 tahun kemudian. Tanpa disedari, satu hubungan rohani dengan buku ini telah dipersiapkan melalui pertemuan awal kami lebih daripada dua dekad sebelum ia ditulis. Jalan Tuhan adalah aneh dan penuh misteri.

Apabila didekati untuk menulis buku ini, saya dimaklumkan bahawa saya adalah orang keempat yang mencubanya. Semasa saya memulakan dengan para saksi mata, saya mendapati bahawa sebenarnya sudah terdapat enam usaha sebelum ini! Kesignifikan kisah pencurahan Roh Kudus secara beransur-ansur saya fahami apabila saya menyedari betapa pentingnya perkara yang saya bahas — sesuatu yang suci kepada suku Lun Bawang.



Dalam usaha dan percubaan terdahulu, kompilasi urutan berbagai peristiwa untuk menjadi satu laporan yang kohesif dan tepat merupakan satu cabaran yang besar. Walau bagaimanapun, kali ini, saya menyaksikan pelbagai halangan telah dihilangkan daripada sesi-sesi temu bual, seolah-olah ada tangan yang tidak kelihatan sedang bekerja di belakang tabir untuk melicinkan laluan bagi menyiapkan buku itu. Saksi-saksi mata berusia 80-an dapat mengingat dengan jelas peristiwa yang berlaku setengah abad yang lalu. Kecanggungan awal mereka terhadap diri saya hilang selepas seorang pastor yang sedang mengembara memberikan rujukan watak yang tepat pada masanya. Selepas itu dia tiba-tiba hilang dari tempat kejadian sama seperti ketika dia muncul!

Seorang saksi mata utama yang enggan ditemu bual akhirnya memberi kerjasama. Bantuan datang dalam bentuk seorang peribadi yang tidak dikenali — yang kini menjadi rakan saya — yang telah menawarkan diri untuk menaipkan transkrip agar ia siap pada tarikh akhir yang sangat ketat. Saya hampir pasti bahawa semua ini tidak akan berlaku tanpa doa-doa syafaat sahabat-sahabat saya.

Penyusunan Bab 3 hingga Bab 7 mengambil masa sebulan untuk disiapkan. Dalam tempoh itu, saya mengalami cabaran yang tidak pernah berlaku sebelum ini. Ini termasuk terpaksa berhadapan dengan gangguan-gangguan jiran tetangga di kedua-dua belah rumah saya. Jiran di satu pihak mula mengganggu keluarga saya, sementara jiran di sebelah lagi memulakan pergaduhan gengster bersenjata yang berlarutan hingga ke kini hari.

Dalam saya mengalami semua ini, saya diingatkan dengan satu kes tentangan rohani di mana sebatang pokok telah menghempap tepat pada rumah seorang mangsa. Oleh itu, walaupun tahap tekanan yang meningkat, saya dapat menarik nafas lega kerana rumah saya masih berdiri utuh! Gangguan daripada jiran di kedua-dua belah pihak berhenti sejurus selepas draf manuskrip selesai.

Di samping itu, saya juga mengalami kehadiran Tuhan yang luar biasa. Pada suatu petang, saya terhidu satu wangian yang sangat

harum dan lembut di sekeliling saya semasa saya menaip. Semasa saya menulis tentang perbualan Tuhan dengan Pak Agong di Buduk Abul dalam Bab 6, saya merasa sangat tersentuh dan menangis menghadapi beratnya kata-kata itu.

Mungkin “manifestasi” yang paling jelas berlaku semasa saya membuat penyemakan silang draf di Ba’kelalan pada suatu pagi yang hening sebelum matahari terbit. Saya mendapati diri saya melekat di lantai dengan gaya yang serupa dengan para saksi mata ketika pencurahan Roh Kudus pada tahun 1973. Saya berada di lantai selama 35 minit menangis kerana dosa saya, dan hanya mempunyai ketenangan untuk bangun apabila saya bersetuju untuk berserah kepada Roh Kudus.

Saya juga perlu menerangkan secara ringkas bagaimana buku ini ditulis dan disusun. Saya bertanggungjawab untuk Bab 1 hingga 7. Bahan-bahan untuk Bab 1 dan 2 adalah kebanyakannya daripada rekod sedia ada, manakala Bab 3 hingga 7 sebahagian besarnya berdasarkan wawancara dengan para saksi mata sebenar tentang apa yang berlaku dari 1973 hingga 1986. Pengenalan dan Bab 8 adalah karya penulis-bersama saya, Hwa Yung.

Saya ingin merakamkan penghargaan dan terima kasih yang tidak terhingga kepada banyak pihak yang telah menyumbang kepada buku ini. Ini termasuk Sang Sigar, yang kemahiran terjemahannya yang cekap memudahkan wawancara dan semakan fakta, dan yang bertanggungjawab untuk melukis Peta 2–5; Pudun Tadam, atas kesabarannya dalam membuat pengesahan fakta; Leong Yoke Mee, pendoa syafaat di lapangan; Frederick Foo, yang membantu dengan transkrip; Ong Juat Heng, yang menyunting draf awal; dan kumpulan pendoa syafaat REVIVAL, yang menyokong tugas ini dari awal sehingga selesai.

Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada semua orang yang ditemu bual atas kesudian mereka berkongsi cerita masing-masing di mana nama mereka akan disebut dalam beberapa bahagian dalam buku ini. Chua Hong Koon dan Larry Lee dari Canaanland Books di mana kedua-dua mereka banyak membantu



dalam peringkat pengeluaran akhir. Saya dan penulis bersama saya ingin mengucapkan terima kasih dalam nama Yesus Kristus kepada mereka semua!

Mengingat semua perkara di atas, adalah wajar untuk membuat kesimpulan bahawa pengarang utama buku ini ialah Roh Kudus sendiri. Dia memulakan, membuka jalan, melancarkan perjalanan dan melihatnya sehingga selesai. Saya melihat diri saya hanya sebagai jurutulis yang penuh sukacita. Semoga kisah Ba'kelalan ini meninggalkan kita dengan rasa kagum, hormat dan takjub seperti yang dialami oleh suku Lun Bawang dalam perjalanan epik mereka selama bertahun-tahun bersama Tuhan!

Michelle Chan
Petaling Jaya
Ogos 2023



Pengenalan

Sebuah Kisah yang Perlu Diceritakan

Kisah Borneo Evangelical Mission (BEM) dan Sidang Injil Borneo (SIB)¹ pertama kali memberi impak yang besar kepada saya ketika saya bertemu dengan para misionaris BEM seperti Dr Bill Lees dan isterinya, Shirley, dan terutama selepas membaca buku *Drunk Before Dawn*.² Melalui mereka dan buku itu, serta hubungan lanjut dengan para misionaris yang lain, pastor-pastor BEM/SIB dan rakan-rakan, saya menyedari bahawa sesuatu yang sangat penting sedang berlaku di kalangan beberapa suku pribumi di Sabah dan Sarawak.

Kemudian, pada tahun 1985, terdapat sebuah artikel selama dua hari di akhbar harian utama berbahasa Inggeris di negara ini, *New Straits Times*, yang bertajuk “Sarawak Sightings”,³ yang menceritakan tentang kejadian-kejadian aneh yang berlaku di dataran tinggi Borneo di Ba’kelalan, Sarawak.

Artikel tersebut menceritakan tentang perubahan ajaib beras dan air menjadi tepung dan minyak, dan cahaya luar biasa yang muncul di langit. Kisah-kisah ini disokong dengan foto-foto oleh orang-orang sebenar yang terlibat dalam kebangunan rohani dan beberapa kejadian tersebut, sekali gus meningkatkan minat para

¹ Mengenai istilah “BEM” dan “SIB”, lihat “Nota Mengenai Istilah ‘BEM’ dan ‘SIB’” pada akhir bab Pengenalan ini.

² Shirley Lees, *Drunk Before Dawn* (Sevenoaks, Kent: OMF Books, 1979).

³ James Ritchie, “Sarawak Sightings – Villagers Witness ‘Miracles’,” *New Straits Times, Times Two* (2 December 1985), 1 & 16; dan “Sarawak Sightings – Holding the Key to the ‘Miracles’,” *New Straits Times, Times Two* (3 December 1985), 1, 5, 8, 9.



NEW STRAITS TIMES, MONDAY, DECEMBER 3, 1985

PAGE ONE

TIMES TWO

SARAWAK SIGHTINGS

WHERE do they come from, these mysterious, dancing tongues of bright, ethereal light? And, above all, what are they? To countless sceptical but mystified observers they remain simply Unidentified Fiery Objects. To the devout congregations of Sarawak's remote Ba Kelalan valley however, they are nothing less than a sign from God...

Villagers witness 'miracles'

By JAMES RITCHIE

A STRANGE phenomenon described as a 'miracle' by several hundred people who witnessed it last night in the village of Ba Kelalan over the past eight months has drawn the attention of the Sarawak government.

It is a phenomenon which has been seen by the people of Ba Kelalan since the late 1970s. It is a phenomenon which has been seen by the people of Ba Kelalan since the late 1970s.

Witnesses have been seen by the people of Ba Kelalan since the late 1970s. It is a phenomenon which has been seen by the people of Ba Kelalan since the late 1970s.

Witnesses have been seen by the people of Ba Kelalan since the late 1970s. It is a phenomenon which has been seen by the people of Ba Kelalan since the late 1970s.

Witnesses have been seen by the people of Ba Kelalan since the late 1970s. It is a phenomenon which has been seen by the people of Ba Kelalan since the late 1970s.

Witnesses have been seen by the people of Ba Kelalan since the late 1970s. It is a phenomenon which has been seen by the people of Ba Kelalan since the late 1970s.

Witnesses have been seen by the people of Ba Kelalan since the late 1970s. It is a phenomenon which has been seen by the people of Ba Kelalan since the late 1970s.

Witnesses have been seen by the people of Ba Kelalan since the late 1970s. It is a phenomenon which has been seen by the people of Ba Kelalan since the late 1970s.

Witnesses have been seen by the people of Ba Kelalan since the late 1970s. It is a phenomenon which has been seen by the people of Ba Kelalan since the late 1970s.

Witnesses have been seen by the people of Ba Kelalan since the late 1970s. It is a phenomenon which has been seen by the people of Ba Kelalan since the late 1970s.

Witnesses have been seen by the people of Ba Kelalan since the late 1970s. It is a phenomenon which has been seen by the people of Ba Kelalan since the late 1970s.

Witnesses have been seen by the people of Ba Kelalan since the late 1970s. It is a phenomenon which has been seen by the people of Ba Kelalan since the late 1970s.

Witnesses have been seen by the people of Ba Kelalan since the late 1970s. It is a phenomenon which has been seen by the people of Ba Kelalan since the late 1970s.

Witnesses have been seen by the people of Ba Kelalan since the late 1970s. It is a phenomenon which has been seen by the people of Ba Kelalan since the late 1970s.

Witnesses have been seen by the people of Ba Kelalan since the late 1970s. It is a phenomenon which has been seen by the people of Ba Kelalan since the late 1970s.

Witnesses have been seen by the people of Ba Kelalan since the late 1970s. It is a phenomenon which has been seen by the people of Ba Kelalan since the late 1970s.

Witnesses have been seen by the people of Ba Kelalan since the late 1970s. It is a phenomenon which has been seen by the people of Ba Kelalan since the late 1970s.

Witnesses have been seen by the people of Ba Kelalan since the late 1970s. It is a phenomenon which has been seen by the people of Ba Kelalan since the late 1970s.

Witnesses have been seen by the people of Ba Kelalan since the late 1970s. It is a phenomenon which has been seen by the people of Ba Kelalan since the late 1970s.

Witnesses have been seen by the people of Ba Kelalan since the late 1970s. It is a phenomenon which has been seen by the people of Ba Kelalan since the late 1970s.

Witnesses have been seen by the people of Ba Kelalan since the late 1970s. It is a phenomenon which has been seen by the people of Ba Kelalan since the late 1970s.

Witnesses have been seen by the people of Ba Kelalan since the late 1970s. It is a phenomenon which has been seen by the people of Ba Kelalan since the late 1970s.

Witnesses have been seen by the people of Ba Kelalan since the late 1970s. It is a phenomenon which has been seen by the people of Ba Kelalan since the late 1970s.

Witnesses have been seen by the people of Ba Kelalan since the late 1970s. It is a phenomenon which has been seen by the people of Ba Kelalan since the late 1970s.

Witnesses have been seen by the people of Ba Kelalan since the late 1970s. It is a phenomenon which has been seen by the people of Ba Kelalan since the late 1970s.

Witnesses have been seen by the people of Ba Kelalan since the late 1970s. It is a phenomenon which has been seen by the people of Ba Kelalan since the late 1970s.

Witnesses have been seen by the people of Ba Kelalan since the late 1970s. It is a phenomenon which has been seen by the people of Ba Kelalan since the late 1970s.

Witnesses have been seen by the people of Ba Kelalan since the late 1970s. It is a phenomenon which has been seen by the people of Ba Kelalan since the late 1970s.

Witnesses have been seen by the people of Ba Kelalan since the late 1970s. It is a phenomenon which has been seen by the people of Ba Kelalan since the late 1970s.

Witnesses have been seen by the people of Ba Kelalan since the late 1970s. It is a phenomenon which has been seen by the people of Ba Kelalan since the late 1970s.

Witnesses have been seen by the people of Ba Kelalan since the late 1970s. It is a phenomenon which has been seen by the people of Ba Kelalan since the late 1970s.

Witnesses have been seen by the people of Ba Kelalan since the late 1970s. It is a phenomenon which has been seen by the people of Ba Kelalan since the late 1970s.

Witnesses have been seen by the people of Ba Kelalan since the late 1970s. It is a phenomenon which has been seen by the people of Ba Kelalan since the late 1970s.

Witnesses have been seen by the people of Ba Kelalan since the late 1970s. It is a phenomenon which has been seen by the people of Ba Kelalan since the late 1970s.

Villagers witness 'miracles'

By JAMES RITCHIE



□ The mysterious ball of fire as captured on film. The lines in the background are caused by time exposure.

BACK PAGE

● Miracle changes in foodstuff

● Pilgrimage up Gunung Murud

Artikel Akhbar 1: "Sarawak Sightings," New Straits Times, Times Two (2 Disember 1985), 1.

NEW STRAITS TIMES, THURSDAY, DECEMBER 5, 1985

PAGE ONE

TIMES TWO

SARAWAK SIGHTINGS

HOLDING THE KEY TO THE 'MIRACLES'

By JAMES RITCHIE

ARE the so-called 'miracles' that are happening in the Sarawak district of Ba Kelalan a clever hoax or the real thing? The man who holds the key to the mystery is ex-pastor Agung Bangau who claims to be a 'holy messenger' in the chain of events...



Agung Bangau is a man who has been seen by the people of Ba Kelalan since the late 1970s. It is a phenomenon which has been seen by the people of Ba Kelalan since the late 1970s.

Agung Bangau is a man who has been seen by the people of Ba Kelalan since the late 1970s. It is a phenomenon which has been seen by the people of Ba Kelalan since the late 1970s.

Agung Bangau is a man who has been seen by the people of Ba Kelalan since the late 1970s. It is a phenomenon which has been seen by the people of Ba Kelalan since the late 1970s.

Agung Bangau is a man who has been seen by the people of Ba Kelalan since the late 1970s. It is a phenomenon which has been seen by the people of Ba Kelalan since the late 1970s.

Agung Bangau is a man who has been seen by the people of Ba Kelalan since the late 1970s. It is a phenomenon which has been seen by the people of Ba Kelalan since the late 1970s.

Agung Bangau is a man who has been seen by the people of Ba Kelalan since the late 1970s. It is a phenomenon which has been seen by the people of Ba Kelalan since the late 1970s.

SPEAKING IN TONGUES

Agung Bangau is a man who has been seen by the people of Ba Kelalan since the late 1970s. It is a phenomenon which has been seen by the people of Ba Kelalan since the late 1970s.

Artikel Akhbar 2: "Holding the Key to the 'Miracles'" New Straits Times, Times Two (3 Disember 1985), 1.

pembaca. Penulis artikel, James Ritchie, seorang wartawan, malah mencadangkan bahawa apa yang dilaporkan itu seperti “Pembikinan Sebuah Filem Klasik”.⁴ Seolah-olah untuk membuktikan perkara itu, bertahun-tahun kemudian apabila seorang penyelidik ingin mencari dua artikel tersebut di sebuah pejabat akhbar, ia hanya dapat ditemui selepas petugas arkib melihat di bawah indeks kategori “UFO”!

Tahun-tahun 1980-an di Malaysia merupakan masa yang sangat mengujakan dengan pembaharuan karismatik yang melanda gereja-gereja secara besar-besaran. Di dalam gereja, laporan dan dakwaan tentang keajaiban sangat banyak, sehingga menjadi sangat biasa dan lumrah. Tidak diragukan lagi, banyak di antaranya adalah laporan tulen tentang pekerjaan Roh Kudus dalam penyembuhan, nubuatan dan seumpamanya; yang lain adalah dakwaan yang meragukan dan dibesar-besarkan. Dengan latar belakang ini, saya hanya menganggap artikel-artikel tersebut sebagai satu lagi contoh tuntutan karismatik yang melampau yang beredar ketika itu. Tetapi pandangan itu tidak bertahan lama.

Seiring dengan waktu, ia menjadi sangat jelas bahawa gereja-gereja di Sabah dan Sarawak berkembang pada kadar yang pesat dan lebih cepat daripada gereja-gereja di Semenanjung Malaysia. Pertumbuhan ini amat ketara di kalangan gereja BEM/SIB. Tambahan pula, selain daripada *Drunk Before Dawn* karya Shirley Lee, kisah-kisah lain tentang kebangunan rohani di bahagian-bahagian berlainan di Sabah dan Sarawak beransur-ansur tersebar, mengesahkan fakta bahawa Tuhan sememangnya telah bergerak dalam beberapa cara yang istimewa di kedua-dua negeri di Malaysia ini.⁵ Akhirnya, saya memutuskan untuk membuat satu lawatan peribadi, bersama dua orang rakan, pada Februari 2011, untuk memeriksa sendiri kebenaran di sebalik semua cerita yang tersebar itu.

⁴ Ritchie, “Sarawak Sightings,” (3 Disember 1985), 5.

⁵ Untuk maklumat lanjut tentang kerja BEM dan pertumbuhan SIB, lihat bibliografi di akhir buku ini.



Lawatan itu merupakan detik yang menentukan bagi saya dalam pemahaman saya tentang apa yang Tuhan lakukan di kalangan suku Lun Bawang. Dalam beberapa kali saya melawat Ba'kelalan, saya berjumpa dengan beberapa orang saksi mata kebangunan rohani yang berlaku pada tahun 1973-1974 dan 1984-1986. Ini termasuklah Pak Musa, Ibu Maria, Ibu Tusi dan Ibu Bulan, isteri kepada Pak Agong, peribadi utama dalam cerita kebangunan rohani Ba'kelalan sejak 1974 sehingga dia meninggal dunia pada tahun 1992. Saya juga bertemu dengan beberapa orang yang lebih muda, yang menyaksikan peristiwa awal ketika mereka masih kanak-kanak dan remaja, tetapi terlibat secara langsung dalam kebangunan rohani yang kemudian itu. Ini termasuklah Pak Pudun, Cikgu Sang dan isterinya, Ibu Julia.⁶ Kesaksian mereka adalah selari dengan apa yang telah dilaporkan dalam dua artikel di *New Straits Times*, serta kumpulan foto-foto yang diambil dan versi lain yang kurang dicatat secara lengkap tentang peristiwa itu. Bab 1 hingga 7 buku ini adalah penyuntingan semua cebisan maklumat yang dikumpulkan daripada pelbagai sumber yang berbeza.

Buku ini hanya fokus kepada Ba'kelalan walaupun kita telah maklum bahawa kebangunan rohani tahun 1970-an dan 1980-an turut terjadi di beberapa tempat di Sabah dan Sarawak. Dari situ, mereka merebak ke banyak tempat lain di Malaysia Timur, secara langsung memberi impak kepada seluruh wilayah itu. Ini membawa banyak jiwa-jiwa baru kepada gereja dan berlaku pencurahan kasih kurnia Tuhan melalui pemberian kurnia-kurnia Roh di kalangan orang asal yang beragama Kristian. Gerakan ini telah menyebabkan pertumbuhan gereja yang sangat pesat di Sabah dan Sarawak dalam tempoh 50 tahun kebelakangan ini.

Di Sarawak, penduduk Kristian meningkat dari 19.3% pada tahun 1970 kepada 50.1% pada tahun 2020.⁷ Di Sabah pula, peningkatan ini agak sukar untuk ditafsir di mana penduduk Kristian yang dilaporkan pada tahun 2020 adalah 24.7%.⁸ Pada masa yang

⁶ Semua individu ini dan peranan masing-masing dibincangkan dengan lebih lengkap dalam bab-bab seterusnya.

⁷ Jabatan Perangkaan Malaysia, *Penemuan Utama Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia*, (Putrajaya: Jabatan Perangkaan Malaysia, 2022), 46.

sama, statistik penduduk di Sabah dari tahun 1970 hingga 2020 menunjukkan bahawa terdapat penghijrahan besar-besaran dari luar negeri Sabah. Dengan menggunakan angka-angka yang diberikan dalam bancian rasmi, pengiraan mudah akan menunjukkan bahawa, jika jumlah penduduk Sabah berkembang pada kadar yang sama seperti Sarawak dalam tempoh yang sama, peratusan orang Kristian di Sabah pada tahun 2020 adalah lebih kurang sama dengan Sarawak.

Bab-bab dalam buku ini menceritakan pekerjaan Tuhan yang menakjubkan di kalangan umat-Nya di Ba'kelalan, walaupun tidak mungkin dapat memasukkan semuanya. Tetapi ada satu cerita yang melekat di fikiran saya, yang bersangkutan dengan seorang rakan saya, Randy Singkee, yang menerajui Wawasan Penabur, sebuah pelayanan yang menerbitkan buku-buku Kristian dalam Bahasa Malaysia terutamanya untuk gereja-gereja di Sabah dan Sarawak. Tidak lama selepas tamat pengajian pada tahun 1990, dia telah ditawarkan untuk menyambung ijazah Sarjana dalam bidang Pemetaan Komputer di University of Edinburgh, dengan dijanjikan biasiswa daripada institusi penajaannya. Namun begitu, surat tawaran biasiswa yang dijanjikan tidak kunjung tiba walaupun masa untuk berangkat semakin hampir. Rakan saya yang berada dalam keadaan kerisauan dan terdesak, telah menghadiri satu kebaktian di mana rombongan dari Ba'kelalan telah datang untuk berkongsi tentang pembangunan rohani di sana.

Pada akhir kebaktian itu, Randy datang untuk didoakan. Seorang wanita telah berdoa untuk dia, dan berdoa dalam bahasa roh. Yang membuat dia terkejut adalah wanita itu berdoa dalam bahasa Mandarin. Wanita Orang Ulu dari hutan Borneo yang hampir tidak berpendidikan formal ini hanya boleh bertutur dalam bahasa ibundanya, Lun Bawang. Dia tidak tahu apa yang dia ucapkan semasa dia berdoa dalam bahasa roh. Tetapi Randy, seorang Sino-Dusun yang pernah bersekolah di sekolah rendah Cina di Sabah mengerti dengan sangat tepat apa yang Tuhan katakan kepadanya melalui doa nubuatan ibu ini. Dia diberi

⁸ Jabatan Perangkaan Malaysia, *Penemuan Utama Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia*, 45.



jaminan yang kuat bahawa Tuhan akan menyediakan semua keperluannya di sana.

Dipendekkan cerita, Randy berangkat ke Edinburgh keesokan malamnya. Beberapa bulan selepas berada di sana, institusinya memberitahu bahawa biasiswanya tidak akan diberikan. Pihak Universiti yang memahami kesukaran yang dihadapinya, menyarankannya untuk meneruskan pengajian dan memberi kelonggaran untuk dia bekerja sambil belajar. Sepanjang tahun itu, Randy bekerja di dua buah restoran pada waktu malam, hujung minggu dan semasa cuti semester. Dia berjaya memperoleh pendapatan yang mencukupi untuk yurannya serta semua perbelanjaan lain bagi menamatkan pengajian Sarjananya. Dua puluh lima tahun kemudian, pada tahun 2015, semasa lawatan ke Ba'kelalan, dan selepas menyiasat dengan teliti, Randy akhirnya mengetahui wanita yang mendoakannya pada bulan September 1990 adalah Ibu Maria, yang kisahnya akan diceritakan lebih lanjut di bab-bab yang berikut. Kisah ini adalah satu lagi petunjuk kepada kepentingan dan kuasa kebangunan rohani Ba'kelalan!

Pada November tahun ini, gereja-gereja di Ba'kelalan akan merayakan ulang tahun yang ke-50 Kebangunan Rohani 1973. Namun, sehingga baru-baru ini, keseluruhan kisah kebangunan rohani 1973-74 dan 1984-86 tidak didokumentasikan dengan baik, kecuali beberapa catatan yang kurang lengkap. Pada awal tahun 2020, Michelle Chan, penulis utama buku ini, bersetuju untuk mengambil projek ini. Walaupun terdapat banyak penangguhan kerana sekatan perjalanan Covid 19, dia berjaya membuat dua lawatan ke Ba'kelalan, Lawas dan Miri untuk melakukan temu bual yang diperlukan. Keseluruhan buku ini, kecuali Pengenalan dan Bab 8, adalah karya beliau.

Pada waktu kebangunan rohani, Tuhan selalu mencurahkan Roh-Nya dalam kuasa ke atas individu dan gereja – memanggil orang ramai untuk bertaubat dan beriman; membawa kehidupan baru dan pembaharuan komitmen kepada orang percaya yang nominal; melepaskan kepada umat-Nya kurnia-kurnia Roh nubuatan, pengetahuan, penyembuhan, pengusiran setan, penglihatan dan

seumpamanya. Tetapi dalam kisah kebangunan rohani di Ba'kelalan, kita melihat sesuatu yang lebih: Tuhan telah melampaui perkara-perkara ini untuk menunjukkan kuasa dan kemuliaan-Nya yang nyata: Dia telah menyediakan makanan yang ajaib di atas gunung ketika orang yang hadir tidak berasa lapar, kemunculan bola api yang ajaib di langit malam sekurang-kurangnya empat kali, lumut yang basah kuyup dengan air terbakar dan menyala menjadi unggun api, dan banyak lagi. Pertanyaan wajar yang muncul adalah: Mengapa Tuhan melakukan perkara-perkara ini?

Bukan tujuan kami dalam buku ini untuk cuba menjawab pertanyaan-pertanyaan sebegini yang akan membuat kita terikat dalam simpulan teologi atas perkara-perkara yang melampaui batas pemikiran otak kita yang kerdil. Sebaliknya, apa yang kami cuba lakukan ialah untuk menceritakan apa yang berlaku seperti yang diceritakan oleh orang-orang yang menyaksikan dan mengalami sendiri kejadian itu. Kami telah berusaha sedaya-upaya untuk menyemak berulang kali cerita-cerita itu dari pelbagai sumber untuk menghindari sebarang penyelewengan atau herotan. Tambahan pula, apa yang kami cuba lakukan ialah untuk menarik perhatian kita dalam bagaimana kebangunan rohani itu memberi impak kepada gereja-gereja di Malaysia Timur, terutamanya di Sarawak.


Selaras dengan perkara di atas, kami membiarkan kisah-kisah kebangunan rohani yang terjadi dan impaknya berbicara sendiri. Kami mengajak para pembaca untuk merenungkan kisah-kisah ini dan merasakan kuasa serta keagungan Tuhan untuk diri mereka sendiri. Kemudian, kami ingin mengajak para pembaca untuk menjawab soalan yang lebih besar yang dikemukakan dalam Bab 8: Apakah yang Tuhan bicarakan kepada gereja Malaysia secara keseluruhan pada hari ini?



Nota Mengenai Istilah “BEM” dan “SIB”

Borneo Evangelical Mission (BEM) telah ditubuhkan pada tahun 1928 sebagai sebuah persatuan misionaris yang mula-mula bekerja di Sarawak dan kemudian di Sabah. Gereja yang ditubuhkan pada tahun 1959 dipanggil Sidang Injil Borneo (SIB). Dalam buku ini, BEM akan digunakan untuk merujuk kepada persatuan misionaris dan SIB merujuk kepada gereja yang ditubuhkannya. SIB kini merupakan salah satu gereja Protestan yang terbesar di Malaysia dengan mempunyai 3 komponen autonomi yang beroperasi di Sarawak, Sabah dan Semenanjung Malaysia.

Bagaimanapun, disebabkan beberapa masalah teknikal perundangan beberapa tahun yang lalu, gereja di Sarawak kembali menggunakan nama BEM dan tidak lagi menyebut dirinya sebagai SIB. Tetapi dalam tempoh yang dibincangkan dalam Bab 1 hingga 7 buku ini, gereja selalu disebut sebagai SIB, jadi nama itu dikekalkan di sini. Jika kami harus merujuk kepada gereja selepas ia kembali kepada penggunaan nama BEM, kami akan menggunakan istilah komposit, “BEM/SIB”.



Bab 1

Permulaan Sidang Injil Borneo

Borneo, sekitar tahun 1800, adalah paru-paru hijau yang luas diliputi oleh hutan hujan yang tidak ternoda, sungai-sungainya yang bersih dan kawasan belantaranya yang tidak bersahabat dihuni oleh binatang-binatang aneh yang membingungkan dan mempesonakan. Daripada kanopi hutan yang menjulang tinggi di atrium alam semula jadi yang megah kepada beberapa lanskap gua dan dunia luar yang penuh misteri dan luar biasa, pulau terbesar di Asia ini telah lama menarik minat golongan muda dan tua dengan daya tarikan daratannya yang unik. Pekan-pekan persisir pantainya merupakan penempatan yang berkembang pesat yang menjadi pusat perhimpunan pelbagai watak dan latar belakang — daripada pelarian, pedagang dan misionaris, kepada penjelajah berani yang terpikat dengan pengembaraan yang mencabar merentasi hutan yang tidak diketahui. Pada masa itu, kuasa Kesultanan Brunei semakin lemah ke atas pulau itu, sementara kepentingan British dan Belanda pula semakin meningkat. Semasa era penjajahan hampir tiga abad yang lalu, kedua-dua kuasa Barat ini telah bersaing untuk meluaskan kekuasaan mereka ke atas pulau-pulau rempah dan khazanah eksotik di Asia Tenggara, dan Borneo tidak terlepas daripada perhatian mereka.

Apabila Belanda dan Britain menandatangani Perjanjian Inggeris-Belanda pada tahun 1824, ia pada dasarnya telah memisahkan pulau Borneo kepada dua wilayah, kecuali Brunei, dengan Belanda menguasai kawasan daratan selatan manakala British di sebelah utara. Kedua-dua wilayah itu akhirnya akan menandakan sempadan masa depan antara Indonesia dan Malaysia. Di pihak



British, ini secara berkesan menyempadankan pulau terbesar di Asia ini kepada Borneo Utara (sekarang Sabah) dan Sarawak, yang diperintah oleh pengembara British James Brooke (Rajah James Brooke), atau Rajah Putih, bermula 1841. Kesultanan Brunei, yang sebelum ini memerintah pulau itu, secara berkala menyerahkan petak-petak tanah peringkat demi peringkat kepada Rajah James Brooke atas usahanya memadamkan pemberontakan terhadap kesultanan.

Dalam pentadbiran wilayahnya, Rajah James Brooke memperkenalkan dasar pengezonan yang membahagikan Sarawak kepada 5 bahagian. Idea kerajaan Brooke membahagikan Sarawak kepada bahagian-bahagian tidak dilaksanakan semata-mata untuk tujuan pentadbiran. Sebaliknya, pembahagian itu menandakan wilayah baru yang telah diserahkan oleh kerajaan Brunei kepada Rajah Putih.⁹ Dua pemerintah selepas Rajah James Brooke — anak saudaranya, Charles Brooke dan cucu saudaranya, Charles Vyner Brooke — telah meneruskan dasar ini.

Dikenali lebih bersifat kemanusiaan daripada keagamaan, Rajah James Brooke mengalu-alukan kedatangan agama Kristian sebagai kemudahan politik untuk mengukuhkan hasratnya membawa perdagangan, kemajuan dan tamadun ke negeri itu, yang kemudian didiami oleh pelbagai suku kaum pribumi yang secara geografi tersebar menjadi komuniti yang berbeza di seluruh Sarawak. Apabila para misionaris Kristian awal datang, mereka diberikan bahagian-bahagian atau wilayah-wilayah mengikut denominasi mereka — semuanya dengan maksud tersirat untuk tidak boleh melampaui sempadan satu sama lain.

Akibatnya, Anglikan telah diberikan Bahagian Pertama dan Kedua, Roman Katolik diberikan kawasan pedalaman Bahagian Ketiga, manakala Methodist diberikan penempatan persisiran pantai di sekitar bandar Sibu sekarang dalam Bahagian Ketiga.¹⁰ Menjelang

⁹ Lim Kian Hock, "A Look at the Civil Administration of Sarawak," *Borneo Post*, 16 September 2011, <https://www.theborneopost.com/2011/09/16/a-look-at-the-civil-administration-of-sarawak>.

¹⁰ Tan Jin Huat, *Brookes, the British and Christianity* (Singapore: Genesis Books & Seremban: Seminari Teoloji Malaysia, 2012), xi.


tahun 1930, Seventh Day Adventist telah diberikan kebenaran untuk meluaskan penginjilan mereka di Bahagian Keempat.¹¹ Walau bagaimanapun, Bahagian Kelima yang terbentang dari selatan muara Limbang ke dataran tinggi Ba'kelalan berhampiran dengan sempadan Borneo Belanda (kini Kalimantan di Indonesia) masih terlalu terpencil dan tidak boleh diakses.

Mabuk Sebelum Fajar Menyinsing, Dibiarkan untuk Mati

Bahagian Kelima ialah tanah tumpah darah orang Murut (istilah yang digunakan untuk satu kumpulan kolektif beberapa suku ketika itu, yang kemudian telah diubah untuk merujuk kepada Lun Bawang di Sarawak dan Lun Dayeh di Sabah). Tidak ada kehadiran misionaris yang diketahui. Ini tidaklah menghairankan memandangkan kesukaran geografi untuk mencapai suku-suku pribumi di pedalaman yang terperuk jauh serta respons mereka yang tidak dapat diramal terhadap orang luar. Perkataan “Lun Bawang” berasal daripada bahasa ibundanya untuk merujuk kepada “orang” (*lun*) dan “tanah” (*bawang*), bermaksud orang atau penduduk asal tanah itu. Pada ketika ini, kaum Lun Bawang mengalami kadar kematian yang tinggi disebabkan oleh ketagihan alkohol, keganasan dan jangkitan penyakit yang berleluasa. Seperti yang dikatakan oleh Shirley Lees, isteri kepada Dr Bill Lees, Timbalan Pengarah Kerja Lapangan Borneo Evangelical Mission (BEM) ketika itu:

Menurut Sarawak Gazette, suku Lun Bawang mabuk seratus hari daripada setiap 365 hari. Mereka hampir pupus. Pada suatu masa yang lalu mereka sangat makmur dan ramai. Tetapi sejak aktiviti potong kepala dimansuhkan oleh undang-undang di bawah pemerintahan Rajah Putih, para mantan pahlawan Lun Bawang ini mempunyai banyak masa lapang. Kaum lelaki Lun Bawang tidak lagi perlu mengawal ketika kaum wanita bekerja di ladang. Kerana sikap peramah dan suka melayan orang, mereka berhibur dengan lebih mewah lagi, pada setiap perkahwinan, kematian, pesta

¹¹ Tan Jin Huat, *Planting an Indigenous Church: The Case of the Borneo Evangelical Mission* (Oxford: Regnum, 2011), 21.



Peta 1: Sarawak dan Bahagian-Bahagiannya semasa pemerintahan Brooke dan Koloni British.
Diambil dari buku Tan Jin Huat, *Brookes, the British, and Christianity*, x.

dan apa sahaja perayaan, mereka meminum berbalang-balang 'borak' yang diperbuat daripada beras. Pesta mabuk-mabukan ini akan berlangsung selama beberapa hari dan kanak-kanak kecil turut mengambil bahagian. Malah, hanya anjing-anjing mereka sahaja yang siuman.¹²

Lees menceritakan bagaimana keadaan ladang dan rumah mereka yang sangat kotor dan diabaikan. Dia memetik kata-kata Edward Banks, kurator Muzium Sarawak bahawa, "Orang Murut di kawasan hulu sungai lebih kerap mabuk daripada tidak, rumah mereka sangat kotor, dipenuhi dengan jelaga dan sarang labah-labah, lantainya menunjukkan kesan-kesan pesta pora yang baru terjadi, anjing berkeliaran, babi di bawah rumah bergelumang bersama percikan najis."¹³ Akibatnya mereka tidak mempunyai daya tahan terhadap wabak ganas yang sering terjadi. Badan mereka yang dijangkiti penyakit adalah satu pemandangan yang mengerikan bagi para pegawai perubatan yang melawat. Sejak awal abad ini, populasi mereka menurun dengan cepat.

Oleh itu, pentadbiran Brooke melarang sebarang hubungan yang berpanjangan, sama ada aktiviti keagamaan atau apa sahaja, dengan suku ini untuk melindungi pelawat-pelawat daripada jangkitan penyakit. Rajah Vyner berpendapat bahawa suku Murut ini sudah tiada harapan, dan harus dibiarkan pupus dengan sendiri. Dia merasakan bahawa para misionaris hanya perlu bekerjasama dengan suku-suku lain yang mempunyai potensi lebih besar.¹⁴ Penilaian yang pesimis ini adalah akibat langsung daripada kadar kematian yang sangat tinggi bagi suku Murut pada waktu itu. Rajah mengandaikan bahawa dalam beberapa dekad lagi, mereka akan pupus dan kumpulan etnik lain akan menduduki tanah mereka.¹⁵

Pada ketika inilah tiga orang misionaris muda dari Australia,

¹² Shirley Lees, *Drunk Before Dawn* (Sevenoaks: Overseas Missionary Fellowship, 1978), 43.

¹³ Lees, *Drunk Before Dawn*, 43.

¹⁴ Lees, *Drunk Before Dawn*, 48.

¹⁵ C. Hudson Southwell, *Uncharted Waters* (Calgary: Astana Publishing, 1999), 85.



Hudson Southwell, Frank Davidson dan Carrey Tolley menjejakkan kaki di bumi Borneo buat pertama kalinya pada tahun 1928, merintis pekerjaan misi BEM. Fokus kerja misi mereka tertumpu di Sungai Limbang dan Sungai Trusan di Bahagian Kelima yang primitif, yang pada waktu itu dianggap sebagai tidak dapat dijangkau, sekurang-kurangnya menurut pengetahuan umum. Melalui pangkalan BEM di Sungai Pranga, sebuah anak Sungai Limbang, misionaris-misionaris yang berani ini telah membuat hubungan dengan suku Iban dan Murut. Mereka sering dijemput untuk melawat rumah-rumah panjang yang lebih jauh ke hulu sungai, dan lebih ulu ke kawasan pedalaman.

Gelombang Pertama: Diselamatkan Beramai-Ramai¹⁶

Walaupun ada larangan dari pentadbiran Brooke, injil telah sampai kepada suku Murut, khususnya suku Lun Bawang di kawasan hulu Sungai Trusan pada awal tahun 1933. Injil datang melalui saudara-mara mereka yang merentasi sempadan Kalimantan, yang telah dikunjungi dan diinjili oleh William Ernest Presswood, seorang misionaris The Christian and Missionary Alliance (C&MA). Walaupun itu membawa kepada pergerakan pertaubatan besar-besaran di kalangan suku Lun Bawang, satu fakta yang menarik ialah khabar angin juga mula sampai kepada para misionaris bahawa beberapa orang pribumi ini mula meninggalkan ladang mereka tanpa pengawasan kerana mereka menunggu kedatangan Tuhan Yesus kembali. Mereka menjangkakan rumah panjang mereka akan diangkat ke syurga dengan tali dan cangkuk!¹⁷

Pada bulan Jun tahun yang sama, apabila Tolley melawat Hulu Trusan dan Ba'kelalan untuk menyiasat pertaubatan besar-besaran dan khabar angin yang didengarnya, dia terkejut dengan kehausan mereka yang mendalam terhadap Tuhan. Di setiap kampung yang dia pergi, orang ramai berkumpul untuk mendengar dan menyatakan keinginan untuk mengikut Yesus. Sejak ketibaan

¹⁶ Empat “gelombang” merujuk kepada empat gerakan pekerjaan Tuhan yang berurutan di kalangan suku Lun Bawang yang dibincangkan dalam buku ini.

¹⁷ Lees, *Drunk Before Dawn*, 44.

mereka di Borneo, BEM telah membuat sekurang-kurangnya tiga percubaan untuk bekerja dengan suku Lun Bawang di kawasan pedalaman, tetapi semuanya ditolak oleh pentadbiran Brooke,¹⁸ kerana dasar mereka untuk mengabaikan dan meninggalkan suku ini. Kerana tiada pilihan untuk bergerak lagi, para misionaris ini membuat keputusan untuk berdoa dan menunggu.

Beberapa waktu kemudian, Southwell mencatatkan satu kejadian pada Ogos 1937, di mana empat lelaki pribumi menaiki tangga rumah pondoknya di Nanga Meruyu dan memberitahunya, "Kami menunggu kamu kembali untuk mengajar kami tetapi kamu tidak datang. Jadi, kami menghantar mesej merentasi sempadan kepada beberapa saudara kami untuk datang mengajar kami. Kami semua adalah orang Kristian sekarang."¹⁹

Dengan sangat gembira, para misionaris menjelaskan tentang larangan yang dibuat oleh Rajah Vyner ke atas mereka dan meyakinkan orang Lun Bawang itu bahawa Tuhan telah menjawab doa mereka untuk suku itu. Dengan ini, semangat mereka untuk berdoa mula berkobar-kobar lagi. Pada 13 November, misionaris-misionaris BEM memperuntukkan satu hari untuk berdoa. Ini adalah titik permulaan kerana seminggu kemudian, Rajah Vyner akhirnya memberi kebenaran kepada para misionaris untuk bekerja di kawasan Hulu Trusan. Ini berlaku selepas Rajah menerima laporan yang menggalakkan tentang perubahan gaya hidup dalam masyarakat Lun Bawang. Akhirnya, jalan terbuka luas bagi para misionaris untuk bekerja di kalangan suku itu!

Jemaah Lun Bawang yang baru dan masih muda ini sangat lapar akan Tuhan Yesus. Mereka juga sangat rindu untuk diajar, mendengar firman Tuhan dan dimuridkan. Para misionaris dengan sepenuh hati mengunjungi mereka untuk mengembangkan kehidupan rohani mereka. Mereka juga mengajar pelbagai suku yang lain tentang kebersihan asas dan kesihatan bermasyarakat, dan juga menyediakan ubat-ubatan penting untuk mereka. Secara

¹⁸ Tan, *Brookes, the British and Christianity*, 50.

¹⁹ Southwell, *Uncharted Waters*, 91.

²⁰ Lees, *Drunk Before Dawn*, 61.



keseluruhannya, keadaan hidup suku Lun Bawang bertambah baik dengan ketara. Kediaman mereka yang sangat kotor sebelum ini berubah menjadi rumah panjang yang kemas dan terjaga. Mereka membuang azimat dan tangkal mereka dan mempunyai kerinduan yang mendalam kepada Tuhan yang diberitakan oleh para misionaris kulit putih kepada mereka.

Stafford Young, seorang warganegara Australia yang meneruskan kerja Tolley, menulis tentang keterujaan ini ketika rombongan misinya seramai enam orang membuat perjalanan ke Hulu Trusan pada tahun 1938. Bersama mereka terdapat 20 hingga 30 orang Lun Bawang, yang mengikuti mereka dari kampung ke kampung dan mengangkat barang-barang mereka sebagai tanda kasih, satu tindakan yang tidak pernah dilakukan sepanjang pengalaman misi mereka. Orang ramai sangat haus akan Tuhan dan banyak bertanya tentang setiap bidang kehidupan — Apakah yang Tuhan katakan tentang ini? Apa yang harus kami lakukan? Ini sungguh mengagumkan Young untuk terlibat dengan seluruh suku yang fikirannya sudah terbuka kepada keinginan dan kehendak Tuhan. Dia selanjutnya memerhatikan, “Di rumah, doa adalah satu usaha keras. Orang Kristian yang muda harus didesak untuk berdoa di hadapan orang lain. Tidak begitu di kawasan hutan terpencil di Borneo. Dengan tanpa guru selain Roh Kudus, orang-orang ini berdoa secara spontan dan bersungguh-sungguh.”²¹

Setahun kemudian, rombongan kerajaan yang diketuai oleh Pegawai Daerah, Encik Barcroft, pergi bersama Banks, kurator muzium, dengan diiringi oleh dua anggota polis bersenjata ke Long Semadoh untuk menyiasat khabar angin tentang perubahan dramatik di kalangan suku Lun Bawang. Selepas menilai keadaan mereka, Banks bertanya kepada Southwell: “Apa yang telah kamu lakukan kepada orang-orang ini? Kali terakhir saya di sini, rumah mereka usang dan sangat kotor. Babi-babi bergelumang di bawah rumah, dan orang mabuk ada di mana-mana. Sekarang, mereka mempunyai rumah baru, cukup bersih, tiada *borak* (arak beras), dan kita boleh berjalan di mana-mana di bawah rumah! Apa yang telah berlaku?”

²¹ Lees, *Drunk Before Dawn*, 63.

Southwell menjawab, “Saya tidak mengubah mereka... Tuhan yang telah mengubah hati mereka. Mereka hanya mendengar dan percaya kepada mesej yang tertulis dalam Alkitab. Ajaran yang Yesus Kristus berikan kepada dunia sangat jelas sehingga mereka menyadari bahawa ia memenuhi keperluan mereka, dan mereka percaya dan bertindak mengikutnya.”²²

Kedua-dua Banks dan Southwell merasa takjub dengan perubahan luar biasa suku Lun Bawang. Banks yang sebelum ini telah menulis dalam *Sarawak Gazette* untuk mengecam tabiat suka mabuk-mabukan suku ini, kemudian dengan berat hati menulis satu lagi artikel lain dalam penerbitan yang sama untuk menceritakan suku ini sebagai orang yang telah berubah.²³ Dalam gurauan dia mengatakan bahawa seseorang tidak lagi memerlukan aspirin untuk mengatasi mabuk teruk ketika datang melawat mereka, sebaliknya hanya perlu membawa buku nyanyian Moody dan Sankey.²⁴

Walau bagaimanapun, akses para misionaris ke suku itu tidak berjalan lama, kerana sekali lagi keadaan menghalang suku Lun Bawang daripada bapa rohani mereka dalam kepercayaan baru mereka. Menjelang akhir tahun 1941, teater Pasifik Perang Dunia Kedua telah membuka jalan ke Borneo, dan tentera Jepun mula berarak ke pulau itu. Para misionaris menyerah diri kepada tentera Jepun dan telah dipenjarakan di kem tahanan Batu Lintang selama tiga tahun sehinggalah mereka dibebaskan pada tahun 1945. Selama tahun-tahun ketiadaan mereka, para misionaris berasa sangat bimbang dengan suku Lun Bawang di pedalaman, walaupun mereka tidak perlu merasa demikian. Ini kerana Tuhan telah menyertai suku itu dan memelihara iman mereka supaya tetap utuh dan bertumbuh.

²² Perbualan yang tercatat dalam Southwell, *Uncharted Waters*, 96.

²³ Edward Banks, “Murut Morons,” *Sarawak Gazette*, 1030 (1 July 1939).

²⁴ Southwell, *Uncharted Waters*, 96–97. Buku nyanyian Moody dan Sankey, *Sacred Songs and Solos*, adalah sebuah buku nyanyian yang terkenal semasa kebangunan rohani di Eropah dan Amerika Utara di akhir abad ke-19 dan awal abad ke-20.



Selepas Perang Dunia Kedua tamat, Sarawak telah menjadi sebuah koloni Kerajaan British pada 1 Julai 1946. Setahun kemudian, dasar pengezonan Brooke yang telah lama wujud yang mengehadikan denominasi-denominasi kepada bahagian yang ditetapkan telah dimansuhkan. Ini memberikan akses yang lebih luas lagi untuk para misionaris menjangkau suku-suku lain di seluruh Sarawak, yang sebelum ini dihalang oleh pembahagian secara geografi. Pada tahun yang sama, dalam tahun 1947, sekolah Alkitab yang pertama dibuka di Lawas, dengan kebanyakan pelajarinya adalah dari suku Lun Bawang, diikuti oleh suku-suku lain yang terdapat di sekitarnya.²⁵

Pada akhir 1940-an, terdapat kebimbangan tentang pertumbuhan fahaman komunisme di Asia Tenggara selepas perang. Walau bagaimanapun, pengusiran para misionaris Barat dari China berikutan pengambilalihan Parti Komunis China telah membuka peluang unik bagi wilayah itu — beberapa misionaris yang diusir memandang ke luar negara China dan menjadikan Asia Tenggara sebagai ladang pelayanan utama mereka. Ini berlaku ketika penganut Kristian Lun Bawang dilaporkan menjadi semakin nominal, termasuk “murtad dengan berkompromi dan paganisme”.²⁶ Walaupun peperangan dan pengasingan telah gagal mematahkan kepercayaan mereka, pengaruh materialisme yang menyusup,²⁷ ditambah dengan pelbagai faktor lain, termasuk kehausan untuk membalas dendam atas satu kesalahan yang lalu di Long Luping, yang melibatkan seorang Kelabit,²⁸ telah mengancam untuk memadamkan cahaya rohani Gereja Lun Bawang.

²⁵ Lees, *Drunk Before Dawn*, 84.

²⁶ *BEM Newsletter* (December 1952), 1; dipetik dari Tan, *Planting an Indigenous Church*, 217

²⁷ *BEM Newsletter* (February 1951), 4; dipetik dari Tan, *Planting an Indigenous Church*, 215.

²⁸ Southwell, *Uncharted Waters*, 186. “Selepas Paskah 1947 ... sekumpulan enam belas orang Kelabit, termasuk seorang Penghulu dan isterinya, telah datang dari rumah panjang mereka di tengah-tengah tanah tinggi Kelabit ... ke rumah panjang di Long Lapukan (kira-kira 5km dari Long Luping)... mereka telah disambut dengan satu jamuan petang ... tiba-tiba, kata orang Murut itu, empat orang pemuda Kelabit telah muncul, mengeluarkan parang hutan panjang mereka dan menetak dengan sembarangan ... tiga orang Murut terbunuh.”

Gelombang Kedua: Dipanggil kepada Kekudusan

Menjelang tahun 1952, masalah yang meruncing dalam kepimpinan gereja-gereja Lun Bawang dan juga di dalam BEM telah memudahkan semangat rohani secara menyeluruh. Keadaan itu mencetuskan seruan untuk berdoa bagi kebangunan rohani. Para misionaris BEM percaya bahawa hanya kebangunan rohani sahaja yang boleh memberikan terobosan dan membuat satu perubahan yang nyata. Ini didahului dengan satu peristiwa tragis pada 25 Ogos, apabila seorang anak berusia tiga tahun telah lemas. Dia adalah anak kepada Singha Achang, seorang pelajar Sekolah Alkitab Lawas dan gembala di Long Luping. Tuhan telah menggunakan kejadian ini untuk melembutkan hati para pelajar sekolah Alkitab, yang membawa kepada pengakuan dosa, kelaparan akan Tuhan dan satu pendalaman kehidupan rohani.²⁹

Walaupun kebangunan rohani ini pada mulanya hanya berlaku di sekolah Alkitab, ia menjadi pemangkin kepada serangkaian pertemuan doa sepanjang malam, di mana ramai orang membuat pengakuan dosa mereka di hadapan umum. Kebangunan rohani setempat ini berterusan sehingga tahun 1954, menghasilkan pengukuhan semula iman para pemimpin gereja Lun Bawang, serta guru-guru dan diakon gereja. Mereka juga telah membuat perdamaian dengan kerabat Kelabit mereka, sehingga timbul satu pembaharuan keyakinan rohani dan moral di kalangan misionaris BEM dan para pemimpin pribumi.³⁰ Apabila difikirkan semula, Ahli Majlis Agung BEM/SIB Pudun Tadam (Pak Pudun) percaya bahawa kebangunan rohani itu boleh dianggap sebagai satu gerakan kekudusan. Dia memetik kata-kata Selutan Tawi, seorang diakon di gereja Buduk Bui di Ba'kelalan, yang bersaksi, "Jika Tuhan Yesus datang pada masa itu, kita semua akan berada di syurga."³¹

Sejak awal lagi, BEM mempunyai matlamat yang sangat jelas dalam membina gereja yang sepenuhnya orang asal di Borneo. Perkara ini menjadi semakin mendesak selepas konferensi di

²⁹ Lees, *Drunk Before Dawn*, 104. Lihat juga Tan, *Planting an Indigenous Church*, 215–225 untuk butiran kebangunan rohani Lawas.

³⁰ Tan, *Planting an Indigenous Church*, 222–225.

³¹ Dikutip dari Pudun Tadam; temu bual dengan penulis, 5 Januari 2023.



lapangan pada tahun 1950, di mana rancangan 15 tahun telah dirangka ke arah itu.³² Pendidikan untuk masyarakat orang asal menjadi satu keutamaan. Penekanan awal adalah kepada pengajaran Alkitab untuk menangani keperluan rohani yang mendesak di kampung-kampung orang asal. Tetapi para misionaris juga berpandangan jauh yang merangkumi skop pendidikan yang lebih luas untuk suku-suku itu. Beberapa orang misionaris membuat komitmen untuk mengajar di sekolah-sekolah kerajaan bagi mempersiapkan para pelajar mereka dengan lebih baik untuk menghadapi cabaran yang melibatkan masyarakat yang lebih besar dalam dunia yang berubah dengan pantas.

Pada tahun 1960-an, sistem jalan raya yang dipertingkatkan membolehkan ramai anak-anak orang asal dari pedalaman berpindah ke bandar-bandar pesisir pantai, meningkatkan lagi keperluan untuk pendidikan tinggi dalam bidang agama dan sekular. Semakin banyak kampung memerlukan dan memanggil pastor-pastor, dan bilangan pelajar yang belajar di Sekolah Alkitab Lawas meningkat kepada 170 orang pada tahun 1962. Pada tahun itu, orang Lun Bawang di Ba'kelalan memutuskan untuk mempunyai sekolah Alkitab mereka sendiri. Jadi mereka semua menyumbang kepada pembinaan Sekolah Alkitab Buduk Aru, yang dirasmikan pada 27 Jun 1963. Kemudian pada 16 September, negara Malaysia telah dilahirkan yang terdiri daripada Semenanjung Tanah Melayu, Sabah, Sarawak dan Singapura sebagai rakan Kongsi yang setara dalam Persekutuan.³³

Bagaimanapun, Indonesia membantah keras pembentukan Malaysia, mengakibatkan konflik bersenjata Konfrontasi Indonesia-Malaysia dari 1963 hingga 1966. Ini menjadikan penempatan-penempatan di sempadan seperti Ba'kelalan menjadi zon berbahaya yang terdedah kepada serangan tentera Indonesia. Sebuah kem Gurkha telah didirikan beberapa kilometer dari sempadan untuk menjaga keselamatan. Walaupun laporan mengenai aktiviti musuh masih berterusan, para pelajar baru terus mendaftar di Sekolah Alkitab Buduk Aru. Selain daripada pelajar-

³² Tan, *Planting an Indigenous Church*, 176–178.

³³ Singapura meninggalkan Persekutuan itu pada 1965.

pelajar Lun Bawang, terdapat juga laporan-laporan tentang pelajar-pelajar Kelabit, Kayan, Dusun dan Penan yang berulang kali mengalami perlindungan Tuhan semasa menghadiri sekolah.³⁴

Kelaparan dan semangat untuk Firman serta perkara-perkara tentang Tuhan, ditambah dengan iman yang seperti kanak-kanak, mempersiapkan suku-suku di Sarawak untuk menerima apa yang Tuhan akan lakukan seterusnya. Setelah mengalami dua gelombang pertemuan dengan Tuhan, sejarah menyatakan bahawa Tuhan masih mempunyai banyak perkara untuk suku Lun Bawang. Buku ini akan memberi tumpuan kepada gelombang ketiga dan keempat dari pekerjaan Roh Kudus kepada mereka.

Bagaimanakah seseorang mentakrifkan kebangunan rohani atau pencurahan Roh Kudus, kecuali fakta-fakta bahawa hal tersebut difahami secara retrospektif melalui pengalaman-pengalaman yang mendahuluinya? Untuk cuba menjelaskan secara singkat tentang peristiwa-peristiwa yang membawa kepada kebangunan rohani akan melemahkan hakikat kebangunan rohani itu sendiri, kerana Tuhan tidak terhad kepada masa dan ruang. Terdapat faktor-faktor tersembunyi yang mungkin tidak diketahui oleh manusia kecuali didedahkan secara khusus. Namun begitu, beberapa tanda di kalangan umat itu mungkin terbukti benar — satu gemuruh yang tenang membangkitkan individu dan kumpulan untuk berdoa, tangisan dan seruan secara berterusan meminta Tuhan untuk melawat mereka, kerinduan dan kelaparan kepada-Nya yang tidak dapat dijelaskan dan pada kedalaman yang tidak diketahui sebelumnya. Begitulah yang dialami oleh suku Lun Bawang di Sarawak. Mereka berada di ambang menyaksikan satu gerakan Tuhan yang melampaui semua yang pernah mereka ketahui sebelum ini.

³⁴ Lees, *Drunk Before Dawn*, 110.



Bab 2

Gerakan Tuhan yang Lebih Luas

Sukar untuk membicarakan tentang kebangunan rohani di SIB di Malaysia Timur tanpa merujuk kepada kebangunan rohani di Indonesia. Kedua-dua negara itu berkait rapat melalui sejarah, geografi, budaya, bahasa, ekonomi dan pada tahap tertentu, identiti wilayah. Secara umum, kebangunan rohani “moden” berlaku di Indonesia dari tahun 1964 hingga 1970, melanda banyak pulau dan mempengaruhi pelbagai kelompok masyarakat.³⁵ Ia membawa satu gelombang pemahaman, kelaparan dan semangat baru dalam hal pertumbuhan rohani seperti yang digambarkan dalam Kisah Para Rasul dalam Alkitab. Dari Timor Barat, Nusa Tenggara, Jawa dan Sumatera, gelombang Roh Kudus ini mengalir merentasi pulau Borneo, menyinari dan menyemarakkan hati jiwa-jiwa di pekan-pekan dan kampung-kampung untuk Allah yang dalam Alkitab.

Yang menarik perhatian adalah kebangunan rohani di Timor Barat dan Jawa, di mana tokoh utamanya ialah seorang lelaki yang dikenali sebagai Pak Elias.³⁶ Orang ini kemudiannya digelar sebagai penganjur Indonesia, Dr Petrus Octavianus dari Batu Malang di Jawa Timur, Indonesia. Beliau mengasaskan dan memimpin Persatuan Misionaris Indonesia, yang kemudiannya dikenali sebagai

³⁵ Kurt Koch, *The Revival in Indonesia* (Berghausen Bd., W. Germany: Evangelization Publishers, 1972); Avery T. Willis, *Indonesian Revival: Why Two Million Came to Christ* (Pasadena, CA: William Carey, 1977).

³⁶ Untuk alasan-alasan peribadi, Dr Petrus Octavianus dikenali sebagai Pak Elias dalam buku Koch yang bertajuk *The Revival in Indonesia*; lihat Kurt Koch, *Wine of God: Revival in Indonesia, Formosa, Solomon Islands, and South India* (Laval, Montreal: Christian Evangelism Publications, 1974), 65.



Yayasan Misionaris Indonesia.³⁷ Seperti yang akan kita lihat, Dr Octavianus juga memainkan peranan yang sangat penting dalam kebangunan rohani yang akan kita bahas dalam buku ini.

Lawatan Dr Petrus Octavianus ke Sarawak & Sabah

Menurut Acho Sitin (Guru Acho), pengetua Sekolah Alkitab Buduk Aru dari tahun 1984 hingga 2010, Dr Octavianus telah melawat Sekolah Alkitab Lawas pada tahun 1971. Kunjungannya ditandai dengan satu gerakan Roh Kudus yang luar biasa semasa dia berkhotbah. Ini adalah sesuatu yang tidak pernah disaksikan oleh para pelajar sebelum ini. Selain itu, ramai orang yang pernah mendengar Dr Octavianus berdoa dari jam 5.00 petang sehingga keesokan paginya — bertaubat dari dosa-dosa mereka, saling meminta pengampunan, serta tiba-tiba dipenuhi dengan semangat dan keberanian untuk bersaksi bagi Kristus.

Guru Acho, seorang pelajar pada masa itu yang ditugaskan untuk mengangkut Dr Octavianus dengan botnya berkata, “Ramai orang bertaubat semasa dia berkhotbah, dan saya tidak sedar saya sudah pun berdiri di atas kerusi saya ketika sesinya!” Begitulah impak perkerjaan Tuhan melalui Dr Octavianus! Kebangunan rohani meledak di gereja-gereja SIB. “Kami mula memahami pekerjaan Roh Kudus apabila Dr Octavianus melawat Lawas,” kata Guru Acho, “dan kami tahu ia adalah daripada Tuhan kerana orang ramai mula bertaubat.”³⁸

Pada tahun berikutnya, Dr Octavianus menjadi penceramah jemputan di persidangan dwi-tahunan SIB. Dia dilaporkan telah membuat satu pelayanan yang menggabungkan kuasa rohani dengan pengajaran yang kukuh, terutama sekali berkenaan dosa dalam kehidupan Kristian, termasuk ketamakan, mencuri, dosa

³⁷ Roland M. Octavianus and Theresya M. Leiwakabessy, “Partnerships in Mission,” *Asian Missions Advance*, 74 (January 2022): 1, http://www.asiamissions.net/wp-content/uploads/2021/12/AMA74_Octavianus.pdf. Lihat juga Petrus Octavianus's autobiography, *Otobiografi: Hidupku Hanya oleh Anugerah Tuhan* (Batu, Malang: Pdt. Dr P. Octavianus, 2007).

³⁸ Temu bual dengan Acho Sitin, 25 April 2022

seksual, sihir dan menerima “ubat-ubatan dari Syaitan”. Pertaubatan dan sesi kaunseling berlanjutan sehingga tengah malam dan dimulakan semula pada awal pagi berikutnya pada jam 6.00 pagi.³⁹

Selepas itu, dia melawat kampung Buduk Nur yang sepi di Ba’kelalan. Ini berlaku pada Disember 1972. “Apabila Dr Octavianus memberitahu kami tentang kebangunan rohani di Korea Selatan, hati kami digerakkan untuk pencurahan Roh Kudus yang sama di Buduk Nur,” kata Musa Sigar (Pak Musa), yang bersama-sama dengan mendiang Balang Paran (Pak Balang), merupakan salah seorang diakon gereja ketika itu. Kedua-dua mereka mendengar Dr Octavianus bernubuat bahawa akan ada satu kebangunan rohani yang akan datang di Sarawak, tetapi lokasi dan masa tidak diketahui. “Selepas itu, saya dan Pak Balang bersatu dalam doa, memohon kepada Tuhan untuk satu kebangunan rohani di Buduk Nur.” Persekutuan doa di Buduk Nur kemudiannya diadakan pada hari tertentu dalam seminggu dan setiap persekutuan doa mengambil masa kira-kira 30 minit.⁴⁰

Selepas itu, Dr Octavianus telah dijemput untuk berkhutbah di konvensyen Paskah SIB atau *Irau Paskah* selama dua tahun berturut-turut, pada tahun 1973 dan 1974. “Irau” ialah perkataan Lun Bawang yang bermaksud “pesta”, dan istilah ini telah digunakan dalam konteks untuk merujuk kepada satu perhimpunan suku dengan pengkhutbah yang dijemput khas untuk pengajaran Alkitab. Perhimpunan-perhimpunan ini menjadi pengganti kepada perayaan menuai tradisional dan menggalakkan perpaduan serta kesatuan di kalangan pelbagai suku, di mana sebelum ini beberapa antara mereka adalah bermusuhan.

Beberapa konvensyen di mana Dr Octavianus sebagai pengkhutbah telah menarik ramai orang, dengan 3,000 orang di Long Kerebangan dan 4,600 orang di Long Atip.⁴¹ Konvensyen-

³⁹ Tan, *Planting an Indigenous Church*, 233.

⁴⁰ Temu bual dengan Musa Sigar, 9 April 2022.

⁴¹ Tan, *Planting an Indigenous Church*, 192, 233. Konvensyen atau *irau* ini adalah sama dengan Konvensyen Keswick di United Kingdom.



konvensyen pada tahun berikutnya, 1974, juga dihadiri oleh sangat ramai orang. Contohnya, di Long Tamarub yang terletak di hilir Sungai Trusan dihadiri kira-kira 5,000 orang. Satu lagi berlaku di Long Liam dihadiri oleh 2,000 peserta daripada suku Kayan, Kenyah, Kelabit, Lun Bawang dan Penan.⁴²

Pada bulan April 1973, selepas berkhutbah di tiga konvensyen, Dr Octavianus telah pergi ke Bario, menandakan satu lawatan bersejarah ke gereja Kelabit dan SIB di sana. Disifatkan sebagai seorang pengkhutbah yang berbicara keras dan sangat berterus terang, dia berulang kali menggesa jemaah di sana untuk bertaubat, tanpa gentar menanggapi perkara-perkara yang dianggap tabu seperti sihir dan azimat, serta memujuk mereka untuk menanggalkan azimat dan tangkal mereka. Pada akhir setiap kebaktian, orang ramai berpusu-pusu ke mimbar untuk didoakan.

Sering kali mesej-mesej yang disampaikannya sangat mencengkam dan dicetuskan oleh kuasa Roh Kudus, diselangi dengan kesaksian yang menakjubkan tentang bagaimana Tuhan membebaskan dan menyelamatkan orang semasa kebangunan rohani di Indonesia. Ini membuat orang ramai kagum, yakin dan dipenuhi dengan kerinduan yang mendalam kepada Tuhan. Semangat yang ditunjukkan oleh orang ramai dalam nyanyian dan doa mereka menjadi sesuatu yang luar biasa dan tidak pernah berlaku sebelum ini. Malah Dr Octavianus sendiri percaya bahawa apa yang berlaku adalah sesuatu yang sangat luar biasa kepada penduduk tempatan, dan itu adalah permulaan satu kebangkitan rohani. Hati telah digoncangkan dan kebangunan rohani sudah dekat.⁴³ Apa yang tidak diketahui ialah bila dan dalam cara apa ia akan tiba.

Dr Octavianus juga telah melawat Taginambur di daerah Kota Belud, Sabah sebelum kebangunan rohani terjadi di sana.⁴⁴ Saksi mata Pastor Leduning Lengik @ Ernest masih ingat bahawa ketika

⁴² Tan, *Planting an Indigenous Church*, 234.

⁴³ Solomon Bulan and Lilian Bulan-Dorai, *The Bario Revival* (Seri Kembangan: Home Matters Network, 2004), 66–67

⁴⁴ Lees, *Drunk Before Dawn*, 181. Dr Petrus Octavianus telah pergi dari Ranau ke “Batu 10”, atau kampung Taginambur, di mana sebuah gereja Dusun terletak, dan masih ada pada hari ini.

dia masih muda, khutbah Dr Octavianus tentang pertaubatan dan mendekatkan diri kepada Tuhan, telah memberi kesan yang mendalam di hatinya. Ini berlaku sebelum pencurahan Roh Kudus di Taginambur pada awal Disember 1973.⁴⁵

Tidak dapat dinafikan bahawa Dr Octavianus adalah alat utama yang digunakan oleh Tuhan untuk memulakan gelombang kebangunan rohani yang meluas ini, bermula dengan lawatannya ke Sekolah Alkitab Lawas pada tahun 1971. Tahun 1973 menunjukkan pekerjaan Roh Kudus yang dramatik dengan tercetusnya gelombang kebangunan rohani di pelbagai tempat di Malaysia Timur. Yang paling terkenal ialah: Bario, Sarawak (bermula 4 Oktober), Ba'kelalan, Sarawak (bermula 10 November), dan Taginambur, Sabah (bermula 5 atau 6 Disember;⁴⁶ juga didahului di akhir November di sebuah gereja yang terletak di antara Tambunan dan Keningau, serta gereja di Ranau).

Sekarang kita akan melihat secara ringkas apa yang berlaku di setiap tiga tempat ini.

Bario: Satu Permulaan

Dibuai rapi di pergunungan yang menakjubkan di Tanah Tinggi Kelabit, Bario berada pada 1,000 meter di atas paras laut dan merupakan gugusan 12 kampung yang terus berkembang. Namanya bermaksud “Lembah Angin” dan penduduknya, suku Kelabit, adalah kaum kerabat terdekat suku Lun Bawang, yang menetap di timur laut di seberang Gunung Murud, gunung tertinggi di Sarawak. Dipisahkan di sepanjang banjaran gunung di salah satu ekosistem hutan hujan tertua di dunia, suku Kelabit dan Lun Bawang berkongsi banyak persamaan dari segi bahasa, gaya hidup dan budaya. Persaudaraan dan kekerabatan kedua-dua suku ini telah lama

⁴⁵ Temu bual dengan Pastor Leduning Lengik@Ernest, 5 Januari 2023.

⁴⁶ Terdapat beberapa ketidakpastian tentang tarikh yang tepat. Anggaran tarikh yang diberikan di sini adalah berdasarkan perbandingan catatan-catatan dalam Bulan and Bulan-Dorai, *The Bario Revival*, 118, dan dalam Peter Elliot, *Asang: The Story of Trevor White and the Dusuns of Sabah* (Cleveland, Queensland: Delia Wilson, 1997), 93–94.



diiktiraf dan dipelihara dengan lebih erat lagi melalui kerabat saudara mereka yang menetap di seberang sempadan Kalimantan. Di antara banyak orang asal di Sarawak, mereka adalah dua suku yang diketahui telah memeluk agama Kristian secara beramai-ramai. Selain itu, apa yang telah berlaku semasa Gelombang Tiga dan Empat kebangkitan Lun Bawang telah mengukuhkan lagi hubungan kedua-dua suku ini dalam sejarah dan kerohanian bersama mereka.

Khamis, 4 Oktober 1973, selamanya akan menyemarakkan kesedaran penduduk Bario.⁴⁷ Walaupun beberapa orang Kelabit yang lebih tua mungkin mengingati jejak kehidupan seharian sebelum detik penting ini, kemungkinan besar kebanyakan mereka hanya dapat mengingati masa selepasnya. Tarikh itu menandakan hari apabila pencurahan Roh Kudus menjadi nyata dalam cara yang tidak pernah berlaku sebelum ini, mempengaruhi jiwa seluruh komuniti, membawa kepada pertaubatan beramai-ramai, pengampunan dan satu keghairahan untuk berdoa serta memberitakan injil. Ia mula-mula menyentuh golongan muda dan pelajar yang merendahkan diri dalam doa, diikuti dengan kerinduan yang mendalam untuk meminta pengampunan antara satu sama lain, dan dengan berani bersaksi bagi Kristus. Walaupun mereka telah dipersiapkan dengan lawatan Dr Octavianus sebelum ini, kebangunan rohani itu datang ke Bario dengan cara yang paling tidak dijangkakan.

Solomon Bulan, yang ketika itu adalah seorang guru bertanggungjawab dan penasihat rohani *Inter-School Christian Fellowship* (ISCF) Sekolah Menengah Kebangsaan Bario, sebuah sekolah menengah kerajaan, berada di ambang untuk berhenti dari jawatannya. Dia telah bergelut dengan tabiat berdosa dan rasa bersalah kerana

⁴⁷ Plak peringatan berhampiran bilik darjah asal di mana pencurahan berlaku memperingati peristiwa itu dengan tulisan, "Pencurahan Roh Kudus dan kebangunan rohani di Bario bermula di SMK Bario, 3 Oktober 1973 pada jam 4:00 petang." Tarikh pada plak ini tidak betul, berdasarkan perbualan telefon dengan Solomon Bulan, 8 Februari 2023. Untuk kisah penuh kebangunan rohani Bario 1973 dan selepasnya, lihat Bulan & Bulan-Dorai, *The Bario Revival*.

menjalani kehidupan berganda dengan berpesta dan minum sampai mabuk. Dia merasakan tidak lagi dapat meneruskan peranannya. Seminggu sebelum itu, dia menerima sepucuk surat daripada adiknya, Ramy Bulan,⁴⁸ yang belajar di sebuah sekolah menengah di Marudi. Dia berkongsi tentang pekerjaan Roh Kudus yang luar biasa dalam mukjizat penyembuhan dan penyelamatan jiwa-jiwa di kalangan pelajar. Diilhamkan oleh berita kebangunan rohani di Indonesia, mereka yang terlibat telah mula berdoa untuk kebangunan rohani di tengah-tengah mereka. Perkongsian adiknya itu menyedarkan Solomon tentang keadaannya yang berdosa dan walaupun dia berasa tidak berdaya dengan situasinya, dia ingin mengubah gaya hidupnya.

Pada suatu petang, dalam satu mesyuarat ISCF di ruang kelas, Solomon membuat keputusan untuk berterus terang dengan murid-muridnya. Antara yang berada di dalam bilik darjah itu ialah ketua Tingkatan Dua dan Tingkatan Tiga, termasuk Idris Jala,⁴⁹ yang ketika itu berada di Tingkatan Tiga. Mengabaikan ego dan kesombongan-nya, Solomon membuat pengakuan di hadapan 12 orang pelajarnya bahawa dia tidak dapat menahan rasa bersalahnya terhadap gaya hidup yang hipokrit dan memerlukan masa untuk memperbaiki dirinya sendiri. Dia juga dengan bersusah payah mendedahkan bagaimana dia telah mempamerkan kebenaran zahir tetapi dalam masa yang sama masih hidup dengan sifat duniawi. Semua ini telah dilakukan sebelum akhirnya dia mengumumkan keputusannya untuk meletakkan jawatan.

Suasana sepi seketika dalam pertemuan itu dipecahkan apabila seorang demi seorang pemimpin pelajar secara sukarela mencurahkan isi hati dan secara terbuka mengakui dosa-dosa dan pergumulan batin mereka. Dalam suasana keterbukaan itu, mereka terpaksa menghabiskan masa itu untuk mencari wajah Tuhan dan melupakan rancangan awal mereka untuk menyediakan pelajaran Sekolah Minggu pada hujung minggu itu.

⁴⁸ Ramy Bulan seterusnya menjadi Profesor Madya di Fakulti Undang-undang, Universiti Malaya.

⁴⁹ Dato' Sri Idris Jala kemudiannya menjadi seorang pemimpin perniagaan dan pengubal dasar. Beliau adalah menteri Kabinet Persekutuan dari 2009 hingga 2015.



Semasa mereka menutup pertemuan tersebut dengan doa, mereka merasakan satu kehadiran Tuhan yang datang dengan tiba-tiba dan sangat kuat turun ke atas mereka — suatu lawatan yang tidak pernah berlaku sebelum ini. Solomon menggambarkannya sebagai sesuatu yang mengagumkan dan meresap. Satu suara kemudiannya bersuara dari kalangan pelajar. Salah seorang pelajar meminta kebenaran untuk berdoa. Permintaan ini mengejutkan Solomon kerana murid-muridnya biasanya terlalu malu untuk memandang ke atas semasa persekutuan doa kerana takut dipanggil untuk berdoa dengan suara kedengaran. Yang terbaik mereka buat adalah apabila nama mereka dipanggil, mereka membisikkan doa mereka secara ringkas dan cepat-cepat mengakhirinya dengan “Amin”. Tetapi tidak begitu pada hari itu.

Semasa pelajar lelaki itu mula berdoa, suaranya yang pada mulanya kecil menjadi semakin kuat. Dia memulakan dengan mengaku dosanya dan tidak lama kemudian dia menangis ketika dia menceritakan dosa-dosanya. Apabila dia selesai, seorang pelajar lain pula mula berdoa, mengaku dosa dan menangis. Seorang demi seorang mereka melakukan perkara yang sama. Bilik itu dengan cepat dipenuhi dengan tangisan dan ratapan yang kuat. Setiap mereka mencurahkan isi hati mereka kepada Tuhan, memohon pengampunan antara satu sama lain, dan memeluk rakan-rakan mereka dengan air mata yang tidak tertahan. Pencurahan ini berlangsung selama 45 minit.

Lawatan kedaulatan Tuhan menjadi topik perbincangan sepanjang hari berikutnya. Para pelajar ISCF memberi kesaksian kepada pelajar lain, yang juga mula meresponi dengan mengaku dan bertaubat dari dosa-dosa mereka. Hari-hari berikutnya menyaksikan perubahan yang amat ketara di kalangan pelajar. Mereka dipenuhi dengan sukacita, dan bersaksi setiap kali mempunyai peluang sama ada di asrama, bilik darjah, di sepanjang jalan tanah serta laluan pejalan kaki. Mereka berdoa tanpa mengira tempat dan masa. Seperti jangkitan virus, api kebangunan rohani telah dipindahkan dari pelajar ke pelajar dan tidak lama kemudian menyelubungi seluruh sekolah.

Fenomena ini berkembang dan menular kepada ibu bapa pelajar, yang juga mengalami apa yang dilalui oleh anak-anak mereka. Gelombang pertaubatan, keinsafan dan saling mengampuni turut melanda murid-murid sekolah rendah yang lebih muda dan ke seluruh kampung-kampung di sekitar. Ahad berikutnya, pasukan dalam tiga hingga enam pelajar sekolah menengah pergi dari kampung ke kampung untuk berdoa dan memberi kesaksian kepada saudara-mara dan rakan-rakan mereka. Ke mana sahaja mereka pergi, mereka berdoa bersama orang ramai dan ramai yang ditegur, disedarkan dan bertaubat dari dosa-dosa mereka.

Petang itu, ramai pelajar hadir di kebaktian biasa di sekolah. Ketika lagu yang dinyanyikan secara spontan menjelang masa berdoa, Roh Kudus hadir dan menjamah semua yang hadir. Ramai yang rebah ke lantai kayu yang sejuk. Mereka berdoa dan menangis. Ada yang berseru kepada Tuhan memohon ampun dan belas kasihan atas dosa-dosa mereka. Yang lain memohon lebih banyak lagi tentang Tuhan dalam hidup mereka. Ada yang memohon kepada Tuhan untuk melawat saudara-mara dan orang yang dikasihi. Peristiwa itu seperti sekumpulan besar orang dihentam oleh satu kuasa yang besar. Orang ramai rebah di atas lantai, ada yang berbaring, yang lain sujud dan berlutut dengan muka di antara lutut mereka, dan yang lain mengangkat tangan ke atas seolah-olah hendak memegang dan mencapai Tuhan.

Malah orang yang melihat dari luar juga tidak terlepas — mereka dijamah satu persatu dan terbaring seperti pokok tumbang di atas rumput yang dilitupi embun di cerun-cerun bukit. Masing-masing kelihatan seperti tenggelam di dalam hadirat Tuhan dan tidak peduli apa-apa lagi. Tidak ada mata yang kering, dan kasih Tuhan memenuhi hati setiap orang pada petang itu. Ini berlangsung selama berjam-jam ketika para pelajar dengan berani memberi kesaksian, menasihati, dikuatkan daripada Kitab Suci, bernubuat dan berkongsi penglihatan.

Insiden luar biasa ini menimbulkan kebimbangan pihak gereja dan kepimpinan sekolah, yang berusaha untuk menghentikan manifestasi aneh ini. Kebimbangan mereka, bagaimanapun, telah diredakan



apabila setiap pihak yang menentang pergerakan Roh Kudus secara beransur-ansur tunduk kepada kuasa Roh Kudus dan bertaubat dari ketidakpercayaan mereka. Pada masa yang sama, seorang pemimpin yang dihormati, Joseph Balan Seling,⁵⁰ naik ke atas mimbar dan memberi jaminan kepada jemaah bahawa fenomena yang mereka saksikan itu memang sesuai dengan Alkitab.

Api kebangunan rohani merebak ke seluruh Bario dan kampung-kampung di sekitarnya. Pertaubatan, pendamaian, perubahan hidup dan semangat baru untuk Tuhan telah dilaporkan, bersama-sama dengan kisah-kisah tentang tanda-tanda dan keajaiban, dan pelbagai manifestasi kurnia-kurnia rohani, termasuk kata-kata nubuatan oleh anak-anak sekolah. Ramai yang berjalan kaki selama berjam-jam hanya untuk menghadiri kebaktian kebangunan rohani.

Ba'kelalan

Berita tentang pencurahan Roh Kudus di kalangan pelajar sekolah menengah Kelabit di Bario tersebar sampai ke Ba'kelalan yang berjiran dengan mereka pada tahun Oktober 1973. Ini adalah satu kejadian yang sangat luar biasa yang tidak pernah berlaku, dan ia menggerakkan hati para pendengar. Pak Musa dan Pak Balang meyakini hal itu dan memperkuatkan lagi doa-doa mereka untuk kebangunan rohani. Seperti kebangunan rohani lain yang didokumentasikan di seluruh dunia, kebangunan rohani ini juga didahului dengan doa yang bersungguh-sungguh dan tidak henti-henti.

Pasukan dari Bario tiba di Ba'kelalan dan kebaktian pertama di sana diadakan pada 9 November. Kisah terperinci tentang apa yang berlaku dari masa itu hingga 1985 adalah subjek bagi Bab 3 hingga 7 buku ini.

⁵⁰ Datuk Joseph Balan Seling adalah seorang menteri negeri Sarawak. Beliau menyertai Kabinet Negeri sebagai pembantu menteri pada 1976 dan kemudiannya dinaikkan pangkat kepada Menteri Kerajaan Tempatan, yang berkhidmat sehingga 1986. Beliau dilantik sebagai Senator pada 1998 dan berkhidmat selama tiga tahun. Beliau meninggal dunia pada tahun 2010.

Sekarang kita beralih ke Sabah, di mana api kebangunan rohani juga tercetus di kalangan orang Dusun.

Taginambur

Bersamaan dengan apa yang Tuhan lakukan di Sarawak, kebangunan rohani juga terjadi di Taginambur, Sabah di kalangan orang Dusun. Walaupun ada yang berpendapat bahawa ia merupakan limpahan pencurahan yang terjadi di Bario dan Ba'kelalan, tetapi nampaknya ia adalah satu gerakan selari dari Roh Tuhan yang bermula pada masa yang sama.⁵¹ Seperti yang dikatakan oleh seorang penulis, "Tidak ada hubungan yang jelas antara kedua-duanya; Tuhan telah bekerja dengan berdaulat dan serupa di setiap lokasi."⁵²

Nampaknya pekerjaan Roh Kudus yang membangkitkan telah bermula pada satu petang Khamis, 22 November 1973, sejurus selepas ia terjadi di Bario dan Ba'kelalan di Sarawak. Pasukan pengkhotbah dari gereja SIB di Taginambur sedang melawat sebuah perkampungan orang Dusun di pedalaman Sabah, yang agak jauh dari jalan utama antara Keningau dan Tambunan. Khutbah Yapin Gimpoton, seorang guru sekolah dan ahli kumpulan itu, di gereja SIB di kampung pada petang itu menyebabkan ramai yang tampil untuk mengaku dosa-dosa mereka. Ini berlanjutan sehingga larut malam dan mungkin akan berterusan sampai pagi jika kebaktian itu tidak ditamatkan. Perkara yang sama berlaku apabila pasukan itu melayani jemaah SIB yang lebih besar di Ranau sepanjang hari Sabtu, 24 November, hingga Ahad, 25 November. Semua kebaktian itu ditandai dengan kehadiran jemaah yang ramai, pengakuan dosa oleh ramai orang, termasuk pastor di Ranau, serta pemulihan bagi mereka yang telah meninggalkan Kristus.

⁵¹ Lihat Peter Elliot, *Asang*, 91–99 dan 104–112 untuk keterangan yang baik tetapi ringkas tentang kebangunan rohani di Taginambur dan sekitarnya. Perlu diingatkan bahawa tahap penuh kebangunan rohani Taginambur, bersama-sama dengan apa yang berlaku di Ranau dan gereja-gereja lain di wilayah yang sama, masih belum didokumenkan dengan baik. Usaha mengenai perkara ini sedang dijalankan oleh kepimpinan SIB Sabah.

⁵² Peter Elliot, *Asang*, 91.



Tetapi ini hanyalah satu permulaan kepada teretusnya kebangunan rohani di Taginambur pada suatu petang pada minggu pertama bulan Disember. Pada minggu itu, sebuah 'Sekolah Alkitab Semasa Cuti Sekolah' telah dijalankan untuk kanak-kanak dan belia dari Taginambur dan kampung-kampung orang Dusun di sekitarnya. Waktu malam telah dikhaskan untuk khutbah dan pujian penyembahan, di mana orang dewasa dan kanak-kanak hadir. Peter Elliot dalam bukunya, *Asang*, memetik Ronald Nugent, seorang pastor dari Australia yang merupakan seorang guru sekolah di Sabah pada masa itu. Dia menerangkan apa yang berlaku selepas itu:

Pengkhutbah pada petang itu ialah seorang pemuda Dusun dari sebuah Gereja Baptist berhampiran Kota Kinabalu. Sambutan terhadap khutbahnya adalah seperti yang tidak pernah saya saksikan sebelum atau semenjak hari itu.

Dia berkhutbah tentang pembaptisan Roh Kudus dan kemudian menjemput mereka yang ingin dibaptiskan dengan Roh Kudus untuk tampil ke hadapan. Sejurus itu orang meluru ke hadapan gereja dan seluruh gereja berdoa dengan spontan.

Ketika orang ramai mengangkat suara mereka kepada Tuhan dalam doa, ada yang begitu dipenuhi dengan rasa kagum sehingga mereka rebah. Beberapa yang lain dipenuhi dengan sukacita, dan tidak dapat menahan kegembiraan mereka, mereka menari dan melompat-lompat, memuji Tuhan. Walaupun keadaan kelihatan seperti kacau-balau dan huru-hara, perasaan saya sendiri adalah rasa takjub dan hormat.

Saya tidak ingat bagaimana kebaktian itu berakhir, tetapi saya masih ingat bahawa sepanjang malam suara tangisan dan doa datang dari seluruh kampung.... Mereka yang datang dari kampung-kampung lain pulang ke rumah mereka, ada yang bersedih kerana dosa, yang lain bergembira dengan pengampunan, ada yang meragui semuanya, yang lain hanya kebingungan. Maka Kebangunan Rohani itu pun merebak ke kampung-kampung orang Dusun yang lain dan berterusan pada

bulan-bulan awal tahun 1974.⁵³

Catatan yang selari tentang pencurahan di Taginambur yang dilaporkan dalam *The Bario Revival* oleh Solomon Bulan dan Lilian Bulan-Dorai nampaknya menyokong kenyataan Peter Elliot, walaupun terdapat sedikit perbezaan. Ia bercakap tentang lawatan satu pasukan dari Bario yang diketuai oleh Lagang Tapan ke Taginambur, di mana mereka melayani bersama dengan pastor setempat dan Michael Madutin dari gereja Baptist Kionsom. Pada malam ketiga konferensi itu, satu pencurahan terjadi di kalangan jemaah yang terdiri daripada golongan muda dari gereja-gereja SIB di bahagian Sabah itu. Antaranya ialah Taipin Molidoi, yang kemudian menjadi Presiden SIB Sabah.⁵⁴

Kebangunan rohani 1973–75 ini menyaksikan manifestasi kurnia-kurnia Roh seperti kurnia lidah, nubuatan, penyembuhan orang sakit dan pembebasan orang yang kerasukan. Ia juga dicirikan dengan persekutuan doa malam dan kesaksian di bandar-bandar lain dan kampung-kampung sekitarnya. Walau bagaimanapun, selepas beberapa tokoh penting di kalangan generasi muda keluar untuk melanjutkan pelajaran atau bekerja di bandar, ia beransur-ansur berkurangan.⁵⁵

Kira-kira sepuluh tahun kemudian, kebangkitan di Taginambur kembali membara, pada tahun 1985–88, sebahagiannya sebagai tindak balas kepada keadaan politik yang tidak stabil di Sabah dalam tempoh itu.⁵⁶ Kesannya serupa dengan apa yang dialami pada tahun 1973 tetapi mungkin dalam skala yang lebih besar. Pertemuan malam selalunya akan berakhir pada dini hari, dengan Roh bergerak dengan kuasa yang besar. Selain daripada manifestasi kurnia rohani, ramai yang menerima Tuhan Yesus, orang yang mundur iman telah dipulihkan, perselisihan yang lama telah diselesaikan dan keluarga telah didamaikan. Tidak seperti

⁵³ Ronald Nugent, dipetik dalam Elliot, *Asang*, 93–94. Pada masa penulisan buku Elliot, Nugent adalah seorang pendeta Gereja Presbyterian Westminster di Perth, Australia Barat.

⁵⁴ Bulan and Bulan-Dorai, *The Bario Revival*, 118.

⁵⁵ Elliot, *Asang*, 91–99.

⁵⁶ Elliot, *Asang*, 104–112.



kebangunan rohani 1973 yang kebanyakannya adalah golongan belia, kebangunan rohani kali ini menyentuh seluruh jemaah.

Tambahan pula, seperti yang diterangkan oleh Elliot, "Orang Kristian yang telah dibangkitkan semula tidak mempunyai keinginan untuk menyimpan berkat Tuhan hanya untuk diri mereka sendiri. Tidak lama kemudian mereka melawat gereja-gereja lain di kawasan itu. Pasukan campuran yang berumur antara 20 hingga 30 lelaki, wanita, diakon dan belia keluar bersama: ke mana sahaja mereka pergi, Roh Kudus dengan penuh kasih kurnia bergerak dengan cara yang sama seperti di Taginambur."⁵⁷ Dengan Taginambur sebagai pusatnya, kuasa Tuhan berkembang dan meluas ke seluruh Sabah dan sekitarnya.

Walau apa pun yang berlaku di masa depan, seorang pemerhati mengulas bahawa Taginambur akan sentiasa diingati sebagai "bintang SIB yang paling terang di seluruh Sabah."⁵⁸

Api yang Merebak

Api kebangunan rohani yang bermula di Lawas pada tahun 1971 dan pelayanan Dr Octavianus sejak itu merebak dan menular ke Bario dan kemudian ke Ba'kelalan. Pada masa yang sama ia juga secara spontan meletus di Taginambur, Sabah. Tan Jin Huat, dalam penulisan kedoktorannya, *Planting an Indigenous Church*, memberikan banyak rujukan kepada laporan kebangunan rohani yang tersebar dalam *BEM Newsletters* pada tempoh masa tersebut. Beliau seterusnya menerangkan penyebaran dari Bario seperti berikut:

Catatan Misi melaporkan bahawa kebangunan rohani yang bermula pada pertengahan Oktober 1973 hampir sepenuhnya memberi kesan kepada Tanah Tinggi Bario dalam tempoh sebulan. Pelbagai kumpulan pengkhutbah yang terdiri daripada guru sekolah, generasi muda, diakon gereja, ketua daerah dan kampung, telah

⁵⁷ Elliot, *Asang*, 111.

⁵⁸ Dipetik dari Elliot, *Asang*, 112.

dibentuk dan mula bergerak ke pelbagai arah, satu ke Ba Kelalan, satu lagi ke Long Lellang, satu lagi ke Long Peluan dan Lio Mato dan turun ke Baram, satu lagi ke Long Bemang, Long Atip dan Long Bedian, dan yang lain sampai ke Marudi, Miri, Kuching, Lawas dan Limbang. Menjelang Ogos 1974, “pekerjaan kebangkitan api Roh Kudus telah menyentuh gereja dari hujung utara hingga ke Kuching di penghujung yang lain di negeri ini.”⁵⁹

Dalam catatannya, Tan juga menunjukkan bahawa kebangunan rohani itu mempunyai banyak ciri-ciri kebangunan rohani sepanjang sejarah gereja. Corak umum yang muncul ialah:

Masa kebaktian gereja menjadi sangat lama dengan ramai orang mengaku dosa-dosa mereka secara terbuka, pertaubatan yang dramatik di kalangan “orang berdosa yang tegar,” orang yang mundur iman dipulihkan, tabiat ketagihan lama dibuang, dan hubungan perkahwinan dipulihkan. Selain itu, banyak kes mahkamah yang tertunda diselesaikan secara damai, orang ramai memohon pengampunan antara satu sama lain atas kesalahan yang dilakukan, sehingga membawa kepada perdamaian. Dalam beberapa kes, orang yang sakit disembuhkan dengan serta-merta.⁶⁰

Ini seolah-olah sebahagian wilayah Sarawak dan Sabah tiba-tiba dilanda oleh satu siri tsunami rohani! Daripada pusat kejadian ini, kebangkitan rohani merebak, terutamanya di kalangan orang asal di seluruh dua negeri ini, malah menyebarkan ke Semenanjung Malaysia.

⁵⁹ Tan, *Planting an Indigenous Church*, 235. Pernyataan dalam tanda petikan adalah daripada *BEM Newsletter* (August 1974), 1. Lihat Tan, *Planting an Indigenous Church*, 225–243 untuk keterangan terperinci “The Pan-SIB Revival (1971–1976)”.

⁶⁰ Tan, *Planting an Indigenous Church*, 239.